

Nasihat Pak O K Rahmat

Nasihat seorang bapa kepada anak-anaknya

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Rahmita Wirza binti O.K. Rahmat

Nasihat

Pak O K Rahmat

Nasihat seorang bapa kepada anak-anaknya

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Rahmita Wirza binti O.K. Rahmat

Diterbitkan oleh:

Semarak Ilmu Sdn. Bhd.
No. 2-1, Jalan Puteri 3A/3,
Bandar Puteri Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat
Email: rizaatiqrahmat@gmail.com

Nasihat Pak O K Rahmat

Nasihat seorang bapa kepada anak-anaknya

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat 2024
Grafik dan ilustrasi © Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat 2024

ISBN: 978-629-98779-2-9

Edisi Asal: Pertama kali diterbitkan 2024

Catan kulit: Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat

Dicetak oleh:
Perusahaan Tukang Buku KM,
8, Jalan Puteri 2A/6,
Bandar Puteri, Bangi,
43000 Kajang

Sinopsis

"Pesanan Pak O.K. Rahmat" adalah sebuah buku yang menghimpunkan nasihat dan panduan penting dari Dr. O.K. Rahmat. Buku ini memfokuskan kepada mesej beliau yang berkaitan dengan peranan bapa dalam mendidik anak-anak dan memimpin keluarga berlandaskan ajaran Islam.

Antara tema utama yang diketengahkan dalam buku ini adalah:

1. Kepemimpinan Keluarga – Buku ini menekankan tanggungjawab bapa dalam mendidik dan menjadi contoh kepada anak-anak, memastikan keluarga memegang teguh pada prinsip Islam.
2. Keteguhan Akidah – Pak O.K. Rahmat memberi peringatan mengenai cabaran-cabaran semasa yang boleh menghakis keimanan, dan bagaimana ibu bapa perlu bersedia menghadapi pengaruh negatif.
3. Tanggungjawab Moral – Nilai-nilai murni seperti kejujuran, integriti, dan kasih sayang ditegaskan sebagai asas yang perlu diterapkan dalam kehidupan harian.
4. Pembangunan Komuniti – Beliau juga menggesa pemimpin masyarakat untuk memainkan peranan aktif dalam memupuk perpaduan dan kerjasama, berlandaskan prinsip Islam.

Buku ini disusun dengan penuh hikmah dan berfungsi sebagai panduan praktikal dalam membina keluarga yang harmoni dan masyarakat yang berdaya maju berdasarkan ajaran agama.

Penghargaan

Dengan penuh rasa syukur dan penghargaan, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah memberikan sokongan, dorongan, dan inspirasi sepanjang proses penulisan dan penerbitan buku ini, "**Nasihat Pak O.K Rahmat.**"

Pertama sekali, kami mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga kami, yang sentiasa berada di sisi, memberikan kasih sayang dan sokongan moral yang tidak ternilai. Tanpa doa dan sokongan mereka, usaha ini mungkin tidak dapat disempurnakan.

Seterusnya, kepada rakan-rakan dan sahabat seperjuangan yang sentiasa berkongsi idea, memberikan pandangan, dan menjadi pendorong kepada usaha kami, kami sangat menghargai sumbangan dan sokongan kalian. Penglibatan anda semua, baik secara langsung atau tidak langsung, amat penting dalam menjayakan karya ini.

Tidak lupa kepada pembaca yang budiman, terima kasih kerana meluangkan masa untuk membaca dan merenung isi kandungan buku ini. Kami berharap agar "**Nasihat Pak O.K Rahmat**" mampu memberi manfaat serta panduan yang berguna kepada semua.

Akhir sekali, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini, dari editor hingga ke penerbit, yang telah bekerja keras bagi memastikan karya ini dapat dinikmati oleh khalayak ramai.

Semoga nasihat dan hikmah yang terkandung dalam buku ini menjadi panduan hidup yang bermanfaat dan berkekalan.

Sekian, terima kasih.

Kandungan

Tajuk	Muka surat
Pendahuluan	iii
1. Jangan sekali-kali menyekutukan Tuhan	1
2. Jangan tinggalkan ibadah wajib, banyakkkan ibadah sunat	6
3. Berwaspada terhadap syaitan	10
4. Ikhlas	17
5. Belajar, belajar, belajar	19
6. Sentiasa berakhlak baik	25
7. Jadilah orang yang berguna kepada masyarakat	31
8. Mengawal hawa nafsu	35
9. Jagalah waktu	39
10. Istighfar, istighfar	42
11. Jangan bergantung kepada manusia	46
12. Bercita-cita tinggi dan berwawasan	50
13. Matlamat ukhrawi lebih penting berbanding matlamat dunia	54
14. Apa yang kau lihat tidak semestinya benar	57
15. Perkara buruk yang menimpa mungkin baik untuk kita	60
16. Sabar, sabar, sabar	64
17. Bersikap amanah, berintegriti	68
18. Jangan lari daripada masalah	72
19. Tunjukkan tauladan yang baik	75
20. Berilah khidmat kepada masyarakat	79
21. Bertindaklah dengan cermat	83
22. Jangan memencilkan diri daripada masyarakat	86
23. Mengambil peduli masalah masyarakat	90

24. Berlaku adil	93
25. Menyusun keutamaan	96
26. Jagalah kesihatan	100
27. Gunakan hikmah sebaik-baiknya	103
28. Ajar sendiri anak-anak membaca al-Quran	107
29. Jangan berkalau-kalau	110
30. Jangan mendahului Allah	113
31. Jangan memburuk-burukkan keluarga dan sahabat Rasulullah	116
32. Elakkan berhutang hal yang tidak perlu	119
33. Jangan jadikan rumah seperti kubur	122
34. Jadilah orang yang pemalu pada tempatnya	124
35. Bekalkan ilmu kepada anak-anak	126
Penutup	128

Pendahuluan

Orang Kaya Rahmat bin Dato' Baharuddin Munthe atau lebih dikenali sebagai Pak OK Rahmat oleh murid-muridnya ialah bapa kami. Beliau dilahirkan pada tahun 1928 dan meninggal dunia pada tahun 1993. Beliau mempunyai lima orang anak tetapi seorang telah meninggal ketika kecil.

Semenjak pemergian beliau, kami (anak-anaknya) tidak pernah terlintas untuk menuliskan semua pesannya sehinggalah sebahagian bekas anak muridnya mencadangkan demikian. Mulanya kami tidak mengambil berat kerana cadangan ini disuarakan 30 tahun selepas pemergiannya ke alam barzakh. Namun selepas kami menghimpun segala pesanan ibu kami, Ibu Wizny, kami lebih bersemangat untuk mengumpulkan nasihat-nasihat bapa kami pula.

Beliau biasanya memberi nasihat ketika makan atau duduk-duduk bersama keluarga. Semasa kecil, tiada rangkaian internet yang boleh menarik perhatian kami. Rancangan televisyen juga tidak banyak pilihan dan hanya bersiaran hitam putih. Oleh itu, duduk bersama keluarga merupakan satu aktiviti yang menarik. Tambahan pula nasihat itu diselang-selikan dengan cerita. Oleh kerana telah terbiasa sejak kecil, setelah dewasa dan masing-masing sudah berkeluarga, aktiviti ini masih diteruskan setiap kali balik ke kampung atau beliau datang ke rumah kami.

Jangan sekali-kali menyekutukan Tuhan

Ketahuiilah bahawa menyekutukan Allah SWT dengan yang lain adalah syirik. Perbuatan syirik adalah dosa yang sangat besar. Allah berfirman,

وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

“Sesiapa yang menyekutukan Allah, maka sungguh ia telah melakukan dosa yang besar.” (An-Nisa: 48)

Ketahuiilah juga bahawa banyak manusia di dunia ini yang menyekutukan Allah. Firman Allah,

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرُونَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ

“Dan di antara manusia, ada yang menjadikan tuhan selain Allah sebagai tandingan, yang mereka cintai seperti mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman, sangat cinta kepada Allah. Sekiranya orang-orang yang zalim itu melihat, ketika mereka menyaksikan azab (pada hari kiamat), bahawa kekuatan itu semuanya milik Allah dan bahawa Allah sangat berat azab-Nya (nescaya mereka menyesal).” (Al-Baqarah: 165)

Dalam kisah Nabi Musa a.s., terdapat satu peristiwa tentang seorang pengikutnya bernama Samiri yang telah membuat sebuah patung anak lembu daripada emas. Banyak juga pengikut Nabi Musa yang terpedaya lalu menyembah patung anak lembu itu.

Peristiwa ini berlaku hanya dalam tempoh 40 hari ketika Nabi Musa bermunajat kepada Allah di Bukit Tursina.

Nabi Musa amat marah setelah kembali daripada bermunajat dan terus menghalau Samiri. Sesungguhnya azab Allah amat berat kepada orang-orang yang menyekutukan-Nya.

Nabi Ibrahim a.s. pula berhadapan dengan kaum yang menyembah berhala. Semenjak awal lagi, baginda sudah menyatakan kepada bapanya mengenai patung berhala yang tidak boleh berbuat apa-apa. Nabi Ibrahim pernah berkata bahawa bintang adalah tuhaninya. Namun apabila bintang terbenam, baginda berkata bulan pula tuhaninya. Apabila bulan terbenam, baginda berkata matahari tuhaninya. Malangnya matahari pun terbenam juga. Lantas Nabi Ibrahim sedar bahawa baginda terlepas diri daripada apa juga yang disekutukan oleh kaumnya dengan Allah. Ucapan Nabi Ibrahim ini jelas menunjukkan benda-benda besar yang dianggap hebat bukanlah tuhan kerana ia akan lenyap.

Berkenaan berhala, Nabi Ibrahim biasa menjadikan berhala sebagai permainan kerana bapanya ialah pembuat berhala. Berhala yang menjadi mainannya itu menjadi objek sembahsan selepas dibawa ke kuil. Apabila dewasa, baginda berasa pelik dengan keadaan itu dan memaklumkan bapanya tetapi dimarahi pula. Dipendekkan cerita, suatu malam baginda masuk ke kuil itu dengan membawa kapak lalu menghancurkan berhala-berhala itu kecuali sebuah yang paling besar. Setelah itu, baginda menggantungkan kapaknya pada berhala besar tersebut.

Keesokan hari, orang yang masuk ke kuil kehairanan. Mereka mengesyaki Nabi Ibrahim yang merosakkan berhala mereka kerana baginda sahaja yang selama ini memperleceh berhala-

berhala itu. Lalu mereka membawa Nabi Ibrahim ke kuil dan menyoalnya. Baginda membalas dengan soalan juga, “Tanyalah berhala yang besar itu”. Maka terdiamlah mereka kerana mereka tahu berhala besar itu tidak boleh melihat dan berbicara.



Runtuhan Istana Namrud di Sanliurfa, Turkiye.

Raja Namrud sangat marah lalu menangkap Nabi Ibrahim. Dia memerintah supaya suatu unggun api yang besar dibuat. Lalu dia menghumban Nabi Ibrahim ke dalam api itu. Dengan kuasa Allah, baginda terselamat apabila Allah menjadikan api itu sejuk. Kemudian, Nabi Ibrahim melarikan diri ke Harran. Raja Namrud dengan marah mengerahkan angkatan tenteranya memburu Nabi Ibrahim. Sekali lagi Allah SWT menyelamatkan baginda dengan menghantar sekumpulan nyamuk untuk menyerang Namrud dan

bala tenteranya. Entah virus apakah yang dibawa oleh nyamuk itu sehingga semua tentera Namrud jatuh sakit lalu mati. Namrud sendiri sempat pulang ke istana tetapi akhirnya mati tidak lama kemudian.



Rumah-rumah purba di Harran. Nabi Ibrahim melarikan diri ke sini selepas terselamat daripada dibakar.

Dalam al-Quran, Allah SWT menegaskan bahawa Dia adalah esa:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
اللَّهُ الصَّمَدُ
لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

“Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Ia tidak beranak dan tidak pula diperanakan; dan tidak ada sesiapaupun yang serupa dengan-Nya.” (Al-Ikhlâs: 1-4)

Ingatlah dan berwaspadalah, jangan sekali-kali kita menyekutukan Allah. Amalan ini adalah syirik. Syirik besar mudah dielakkan, tetapi ada juga syirik kecil yang kadang-kadang menyebabkan kita terjebak tanpa sedar. Antara syirik kecil adalah riyak, iaitu beramal untuk menunjuk-nunjuk. Memakai azimat dan tangkal dengan kepercayaan bahawa kedua-dua benda itu boleh memberikan kebaikan atau melindungi diri daripada bahaya - juga adalah syirik. Sepatutnya kita beramal semata-mata kerana Allah. Letakkan kepercayaan bahawa hanya Allah sahaja yang boleh memberi kebaikan serta melindungi kita daripada bahaya.



2

Jangan tinggalkan ibadah wajib, banyakkan ibadah sunat

Allah SWT telah memerintahkan semua manusia supaya menyembah-Nya semata-mata.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.” (Al-Baqarah: 21)

Ibadah wajib itu adalah solat lima kali sehari, puasa pada bulan Ramadan, menunaikan zakat dan mengerjakan haji sekali seumur hidup jika mampu.

Berkenaan dengan solat dan puasa, Nabi Zulkifli a.s. merupakan contoh yang baik. Nama sebenar baginda ialah Basyar. Baginda ialah anak Nabi Ayub a.s.. Raja pada ketika itu adalah raja yang adil tetapi tiada zuriat untuk menggantikannya. Lalu raja tersebut mencari orang yang berkelayakan untuk mewarisi takhtanya. Syarat yang diberikan adalah mampu berpuasa pada siang hari, beribadah pada malam hari dan sabar menghadapi apa juga kesukaran. Banyak yang berminat, malangnya tiada siapa yang sanggup kecuali Nabi Zulkifli. Baginda sudah biasa berpuasa pada siang hari dan beribadah pada malam hari, jadi hal tersebut tidak menjadi masalah yang besar.

Ketika baginda mula menaiki takhta, sebahagian pembesar memberontak dan cuba merampas kuasa. Namun dengan kesabaran dan ketabahan Nabi Zulkifli, satu demi satu pemberontakan dapat dipatahkan. Hasilnya, kerajaan dapat berfungsi dengan aman damai. Kesabaran baginda memang terbukti apabila mampu melayan pelbagai kerenah rakyat sehingga akhirnya semua penentang tunduk.

Berkenaan dengan zakat pula, Abu Bakar as-Siddiq, khalifah pertama setelah kewafatan Rasulullah ﷺ, telah menunjukkan betapa pentingnya menunaikan zakat. Ketika Abu Bakar mula-mula dilantik sebagai khalifah, beberapa suku kaum Arab enggan membayar zakat kerana menganggap zakat hanya wajib ditunaikan semasa Rasulullah ﷺ hidup sahaja. Abu Bakar menegaskan bahawa zakat adalah kewajipan yang mesti dijalankan walaupun Rasulullah ﷺ telah wafat.

Abu Bakar menyatakan, "Demi Allah, seandainya mereka menahan satu tali unta yang dahulu mereka bayarkan kepada Rasulullah, aku akan memerangi mereka kerana penolakan tersebut."

Lalu Abu Bakar memimpin suatu pasukan perang untuk memastikan bahawa zakat tetap ditunaikan oleh semua Muslim. Tindakan tegas Abu Bakar ini bertujuan untuk memastikan kestabilan ekonomi dan sosial dalam masyarakat Islam serta menunjukkan pentingnya zakat sebagai salah satu rukun Islam.

Berkenaan dengan haji, kita boleh menjadikan Uwais al-Qarni sebagai contoh. Beliau berasal dari desa Qarn di Yaman dan hidup sezaman dengan Rasulullah ﷺ, cuma mereka tidak sempat bertemu. Uwais dikenali sebagai seorang yang sangat soleh dan


berbakti kepada ibunya yang buta. Uwais banyak menghabiskan masa menjaga ibunya dengan penuh kasih sayang. Faktor kemiskinan dan masa yang banyak diluangkan untuk ibunya menyebabkan beliau tidak dapat ke Madinah untuk berjumpa dengan Rasulullah ﷺ. Akan tetapi, baginda maklum tentang keadaannya dan telah menyebut namanya di hadapan sahabat-sahabat besar. Baginda menyifatkan Uwais sebagai seorang yang makbul doanya oleh Allah SWT. Rasulullah ﷺ menyarankan para sahabat agar meminta doa kepada Uwais jika berpeluang berjumpanya. Maka disebabkan itu, Umar bin Khattab setia menunggu rombongan dari Yaman setiap kali musim haji.

Suatu hari, ibu Uwais menyatakan keinginannya untuk menunaikan haji di Mekah. Akan tetapi keadaannya yang sudah tua dan lemah mungkin menyukarkan perjalanannya ke sana. Tambahan pula, ibadah haji agak merumitkan bagi seorang wanita tua. Keadaan kewangan Uwais juga sangat terhad, jadi apa yang boleh dilakukan adalah terpaksa mendukung ibunya dari Yaman dan ketika mengerjakan haji.

Lalu Uwais mempersiapkan diri dengan meningkatkan kekuatan fizikal supaya mampu mendukung ibunya. Beliau berlatih dengan mendukung anak lembu naik dan turun bukit setiap hari. Latihannya bermula dengan anak lembu yang baru lahir sehingga anak lembu tersebut semakin besar dan berat. Kekuatan Uwais juga turut meningkat hari demi hari. Latihan ini telah berlangsung selama beberapa bulan hingga akhirnya Uwais mampu mendukung lembu yang sudah dewasa.

Apabila musim haji tiba, beliau mendukung ibunya dan berjalan bersama-sama rombongan haji dari kampungnya. Di Mekah, Umar bin Khattab yang telah lama menunggu kedatangannya, akhirnya

dipertemukan. Umar lantas memohon Uwais mendoakannya, seperti mana yang dinyatakan Rasulullah ﷺ bahawa doa Uwais adalah makbul.



Kewajipan menunaikan haji bagi yang mampu.

3

Berwaspada terhadap syaitan

Syaitan berusaha keras menggoda manusia supaya berbuat dosa dan menjauhkan mereka dari jalan Allah. Allah SWT mengingatkan kita bahawa syaitan adalah musuh utama manusia. Firman Allah,

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا ۗ إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ لِيَكُونُوا مِنْ أَصْحَابِ السَّعِيرِ

"Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh(mu), kerana sesungguhnya syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala." (Fathir: 6)

Syaitan ini amat licik. Tanpa kita sedar, ia boleh menjerumuskan kita ke neraka. Antara kaedah yang digunakan untuk menyesatkan manusia adalah:

- Melalui bisikan-bisikan jahat yang mendorong manusia berbuat dosa atau melanggar perintah Allah. Misalnya, menanam sifat malas beribadah atau merasa ragu akan keimanan kita.
- Syaitan menggunakan hawa nafsu manusia untuk menjerumuskan mereka ke lembah maksiat. Syaitan akan terus menggoda supaya manusia tertarik dengan rasuah, menyalahgunakan kuasa yang ada, berzina, meminum arak atau berjudi.

- Syaitan akan mengaburi mata manusia dengan perbuatan dosa yang nampak indah, menarik dan menyenangkan sehingga kita tertarik untuk melakukannya. Pada masa itu, kita sanggup berbohong demi mendapatkan keuntungan atau mencuri dengan alasan untuk kebaikan.
- Syaitan turut mempengaruhi kita untuk melambat-lambatkan amal ibadah. Hati-hati apabila kita sering melambatkan solat, puasa sambil lewa atau sukar berbuat baik kepada orang lain, kluatir semua itu datang daripada syaitan.
- Syaitan selalu menanamkan keraguan dalam hati kita terhadap Allah, ajaran Islam dan hari kiamat. Misalnya membuat kita ragu-ragu akan kewujudan Allah atau kebenaran al-Quran.
- Syaitan membuat kita merasakan bahawa dosa kecil tidak akan memberi kesan yang besar. Malangnya, dosa kecil seperti mengumpat atau berbohong, jika dilakukan berterusan akan mempengaruhi keimanan.
- Syaitan menggunakan kekayaan dan kekuasaan untuk menjauhkan kita dari jalan Allah. Syaitan boleh menghasut kita menjadi tamak, tidak rasa bersalah menerima rasuah atau menggunakan kekuasaan untuk menindas orang lain.

Di samping menggoda dan menyesatkan manusia secara langsung, syaitan juga menggunakan 'ejen' dan 'tali barut'nya daripada kalangan manusia. Antara orang-orang yang menjadi 'ejen' syaitan adalah:

- Kawan-kawan yang mengajak atau menggalakkan kita melakukan dosa dan maksiat seperti zina, meminum minuman

keras, berjudi dan lain-lain. Kawan seperti ini perlu dijauhi. Rasulullah ﷺ bersabda, "Seseorang itu mengikut agama kawannya. Maka, hendaklah kalian melihat siapa yang menjadi kawannya." (HR Abu Dawud dan Tirmidzi)

- Kawan atau orang yang suka menyebarkan fitnah, khabar angin dan mengumpat. Jauhilah orang-orang seperti ini. Kita perlu menjaga lidah daripada berkata perkara-perkara yang tidak perlu. Allah SWT berfirman, "Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa. Dan janganlah mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah mengumpat satu sama lain." (Al-Hujurat: 12)
- Orang yang menyebarkan ajaran sesat atau menyesatkan orang lain daripada Islam yang benar. Oleh itu, kita perlu sentiasa merujuk kepada sumber-sumber ajaran Islam yang sahih seperti al-Quran dan hadis, serta mengikuti ulama yang muktabar.
- Orang yang terlibat dalam riba dan menggalakkan orang lain untuk terlibat sama. Jauhkan diri daripada segala bentuk transaksi riba di samping berusaha mencari alternatif halal dalam urusan kewangan. Allah SWT berfirman, "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan." (Ali-'Imran: 130)
- Pemimpin atau penguasa yang zalim, mengamalkan rasuah dan menindas golongan bawahan. Semakin banyak pemimpin seperti ini, maka janganlah kita sekali-kali bersekongkol dengan mereka. Berdoalah memohon perlindungan Allah daripada

kezaliman di samping berusaha menegakkan keadilan dalam kemampuan kita. Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya seburuk-buruk pemimpin adalah pemimpin yang zalim." (HR Bukhari dan Muslim)

- Orang yang menyebarkan ilmu yang tidak benar atau menyesatkan umat daripada ajaran yang sebenarnya. Mereka pandai berbicara dan berhujah. Oleh itu, kita perlu selalu mengkaji ilmu daripada sumber yang betul dan berhati-hati semasa menerima maklumat yang belum jelas kebenarannya.

Dalam dunia ini, ada ramai tali barut syaitan sejak dahulu hingga sekarang. Semasa zaman Nabi Musa a.s., ada seorang sahabat yang bernama Bal'am bin Ba'ura. Beliau terkenal sebagai seorang yang sangat alim dan memiliki pengetahuan luas tentang kitab-kitab suci. Bal'am juga diberkati dengan doanya yang selalu dikabulkan oleh Allah. Namun, malang sekali apabila segala kelebihan dan ilmu yang ada, Bal'am tetap terjerumus dalam godaan syaitan dan akhirnya murtad.

Kisah kemurtadan Bal'am bin Ba'ura diabadikan dalam al-Quran pada surah al-A'raf, ayat 175-176. Ayat-ayat tersebut memberi peringatan kepada umat manusia tentang pentingnya menjaga iman dan berwaspada dengan godaan nikmat dunia.

Allah SWT berfirman, "Dan bacakanlah kepada mereka berita orang yang telah Kami berikan kepadanya ayat-ayat Kami (pengetahuan tentang isi al-Kitab), kemudian dia melepaskan diri daripada ayat-ayat itu, lalu dia diikuti oleh syaitan (sampai dia tergoda), maka jadilah dia termasuk orang-orang yang sesat. Dan kalau Kami menghendaki, sesungguhnya Kami tinggikan (darjat)nya dengan ayat-ayat itu, tetapi dia cenderung kepada

dunia dan mengikuti hawa nafsunya yang rendah; maka perumpamaannya seperti anjing, jika kamu menghalaunya, dihulurkan lidahnya dan jika kamu membiarkannya, dihulurkan juga lidahnya. Demikian itulah perumpamaan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka ceritakanlah kisah-kisah itu agar mereka berfikir." (Al-A'raf : 175-176)

Sebagai orang yang alim dan berpengetahuan, Nabi Musa a.s. telah memerintahkan Ba'lam bin Ba'ura pergi ke kota Madyan. Penduduk kota itu banyak yang bergelumang dengan maksiat dan derhaka kepada Allah SWT. Mereka juga menyembah patung dan berhala. Tujuan Bal'am sepatutnya untuk berdakwah dan memaklumkan penguasa Madyan bahawa Nabi Musa a.s. dan pengikutnya akan datang ke kota itu. Namun, sesampainya di hadapan penguasa Madyan, Bal'am terpesona dengan keindahan kota dan istananya lantas tersasar daripada niat asal dia ditugaskan ke situ.

Penguasa Madyan menawarkan kekayaan, kemewahan dan kesenangan yang tidak mampu ditolak oleh Bal'am. Ia telah termakan godaan itu lalu menerima semua tawaran tersebut. Setelah tenggelam dengan kemewahan dan kesenangan Madyan, Bal'am diminta pula menghalang kemasukan Nabi Musa a.s. dan para pengikutnya ke Madyan.

Bal'am bersetuju dan berdoa kepada Allah supaya menghalang Nabi Musa daripada masuk ke Madyan. Malangnya kali ini, doanya tidak lagi termakbul disebabkan maksiat yang telah dilakukannya. Namun ia tidak putus asa sebaliknya mencadangkan sambutan untuk meraikan kedatangan Nabi Musa a.s. dan pengikutnya dengan kemewahan dan kenikmatan yang ada di Madyan.

Cadangan itu dipersetujui penguasa kota. Lalu segala kemewahan dan kenikmatan dunia dipamerkan ketika menyambut kedatangan baginda. Akibatnya sebahagian kecil pengikut-pengikut Nabi Musa tergoda jua dengan kemewahan tersebut.

Begitulah strategi syaitan untuk menyesatkan manusia. Menggoda dan kemudian menjadikan mereka 'ejen-ejen' untuk menyesatkan lebih banyak manusia.

Cerita tentang orang alim menjadi sesat dan menyesatkan juga terjadi pada zaman moden. Namanya Abdullah Al-Qasimi. Ia lahir pada tahun 1917 daripada keluarga yang taat beragama di Buraydah, Arab Saudi. Di samping belajar mengenai Islam di tempat asalnya, ia juga pernah belajar di Iraq, India dan kemudian di Universiti Al-Azhar, Mesir. Ia telah menulis banyak kitab mengenai Islam sehingga menjadi ulama yang masyhur. Antara bukunya yang terkenal adalah yang berjudul 'As-Shira Baini al-Islam wa al-Watsaniyyah' (Peperangan antara Islam dan Pemuja Berhala). Buku ini mendapat banyak pujian sehingga seorang mantan gurunya menyifatkan karyanya itu sebagai tiket bagi Abdullah masuk syurga. Namun kemudian ia mula mempersoalkan Islam dan akhirnya mengahwini seorang perempuan ateis dari Beirut. Ia kemudian menulis lebih banyak buku yang mempersoalkan Islam. Buku-buku ini banyak menerima kecaman, tetapi banyak juga yang menjadi pengikutnya di negara-negara Arab, terutamanya di Yaman.

Selepas perkahwinan itu, diberitakan ia murtad lalu menjadi seorang ateis. Kawan-kawan lamanya telah berusaha menasihatinya tetapi ia tetap dengan pendirian ateisnya sehingga meninggal dunia pada 1 September 1996.

Perhatikan bagaimana syaitan telah meracuni fikiran manusia, termasuk ulama hebat. Syaitan turut menggunakan wanita sehingga ulama pun boleh berubah keimanannya. Sebab itulah kita perlu sentiasa berdoa memohon perlindungan daripada Allah SWT dari godaan syaitan dan agar diberi keteguhan iman. Rasulullah ﷺ sering berdoa, "Ya Allah, yang membolak-balikkan hati, teguhkan hatiku di atas agama-Mu." (HR Tirmidzi)

Persekitaran dan pemilihan kawan-kawan sangat mempengaruhi keimanan kita. Berkawan dengan orang-orang yang dapat meningkatkan iman dan menjauhkan diri daripada persekitaran yang melemahkan iman adalah sangat penting. Rasulullah ﷺ bersabda, "Seseorang itu bergantung kepada agama kawannya. Maka, hendaklah kalian melihat siapa yang menjadi kawan." (HR Abu Dawud dan Tirmidzi)



4

Ikhlas

Keikhlasan amat penting dalam Islam. Agama ini menekankan umatnya supaya melakukan segala perbuatan semata-mata untuk mencari reda Allah SWT. Oleh itu, ikhlas adalah landasan bagi setiap ibadah dan amal perbuatan. Allah SWT berfirman,

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

"Padahal mereka hanya diperintahkan menyembah Allah dengan ikhlas mentaati-Nya semata-mata kerana (menjalankan) agama..." (Al-Bayyinah: 5)

Khalid bin Walid telah menunjukkan keikhlasan yang tinggi dalam perjuangannya. Beliau adalah seorang panglima perang yang sangat terkenal dalam sejarah Islam. Walaupun hebat dalam setiap peperangan, Khalid tetap bersikap rendah hati dan ikhlas. Ketika Umar bin Khattab menurunkannya daripada jawatan panglima, Khalid menerima keputusan tersebut dengan ikhlas tetapi tetap berjuang untuk Islam tanpa rasa kecewa. Keikhlasannya menjadikan Khalid bin Walid sebagai seorang yang dihormati dan dicintai umat Islam.

Siti Hajar, isteri Nabi Ibrahim, menunjukkan keikhlasan yang luar biasa ketika ia ditinggalkan bersama anaknya, Ismail, di padang pasir yang tandus. Hajar ikhlas menerima perintah Allah dan menyerahkan sepenuh kepercayaannya hanya kepada Allah. Keikhlasannya jelas ketika berusaha mencari air untuk anaknya,

yang akhirnya menghasilkan mata air zamzam yang terus mengalir hingga hari ini.

Keikhlasan sangat bergantung kepada niat. Solat boleh menjadi sia-sia jika niat kita tidak ikhlas semata-mata kepada Allah. Dalam suatu kisah, ketika hijrah, seorang pemuda dari Mekah telah jatuh cinta kepada seorang wanita bernama Ummu Qais. Ketika umat Islam diperintahkan untuk berhijrah ke Madinah, Ummu Qais juga ikut berhijrah. Pemuda tersebut sangat mencintai Ummu Qais dan ingin menikahnya. Namun, Ummu Qais mengatakan bahawa ia hanya akan menikah dengan pemuda tersebut jika pemuda itu ikut sama ke Madinah.

Demi cintanya kepada Ummu Qais, pemuda tersebut memutuskan untuk hijrah bersama-sama. Ia mengikut dalam rombongan hijrah ke Madinah, tetapi niat utamanya bukanlah kerana ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya, sebaliknya hanya ingin menikahi Ummu Qais. Oleh kerana itu, pemuda tersebut dikenali sebagai "Muhajir Ummu Qais" (orang yang berhijrah kerana Ummu Qais).

Apabila mengetahui perkara ini, Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya setiap amalan tergantung pada niatnya, dan setiap orang (akan dibalas) berdasarkan apa yang ia niatkan. Barang siapa hijrahnya kerana Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa hijrahnya kerana dunia yang ingin ia raih atau kerana seorang wanita yang ingin ia nikahi, maka hijrahnya (akan bernilai sesuai) dengan apa yang ia niatkan." (HR Bukhari dan Muslim)

Belajar, belajar, belajar

Belajar adalah kewajiban dalam Islam yang ditegaskan dalam al-Quran dan hadis. Ilmu pengetahuan sangat penting untuk memahami ajaran agama, menjalankan ibadah dengan baik, menjalani kehidupan dan menyumbang kepada masyarakat.

Ayat Quran yang pertama bermula dengan perkataan BACALAH,

أَفْرَأُ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ
 خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
 أَفْرَأُ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ
 الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ
 عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

"Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya." (Al-'Alaq: 1-5)

Ini adalah wahyu pertama yang diterima oleh Rasulullah ﷺ yang menekankan pentingnya membaca, belajar dan mencari ilmu pengetahuan.

Rasulullah ﷺ telah bersabda,

"Menuntut ilmu itu fardu atas setiap Muslim." (HR Ibnu Majah)

Rasulullah ﷺ juga bersabda,

"Barangsiapa menempuh suatu jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju syurga." (HR Bukhari dan Muslim)

Mari kita lihat beberapa orang sahabat, ahli keluarga Rasulullah ﷺ serta saintis Islam berikut:

1. Abu Hurairah

Abu Hurairah merupakan sahabat yang terkenal dengan usahanya menuntut ilmu. Beliau ialah periwayat yang paling banyak meriwayatkan hadis daripada Rasulullah ﷺ. Abu Hurairah menganut Islam pada tahun ketujuh hijrah. Kemudian beliau memberi tumpuan untuk mengikuti dan mempelajari setiap kata dan perbuatan Rasulullah ﷺ.

Abu Hurairah sering kelaparan kerana banyak menghabiskan waktunya di masjid untuk mendengar dan menghafal hadis berbanding bekerja untuk mendapatkan makanan. Bahkan beliau pernah terbaring di masjid kerana kelaparan. Namun hal ini tidak menghalangnya untuk terus menuntut ilmu daripada Rasulullah ﷺ.

2. Abdullah bin Abbas

Abdullah bin Abbas ialah sepupu Rasulullah ﷺ dan dikenali sebagai seorang ulama besar dalam Islam. Beliau digelar "Hibrul Ummah" (Ulama Umat) dan "Tarjuman al-Quran" (Pentafsir al-Quran). Abdullah memanfaatkan setiap kesempatan untuk belajar daripada Rasulullah ﷺ dan sahabat.

Setelah kewafatan Rasulullah ﷺ, Abdullah sering kali mendatangi sahabat-sahabat yang lebih tua untuk belajar daripada mereka. Beliau pernah tidur di depan pintu rumah seorang sahabat untuk menunggu, sehingga mereka keluar. Ketekunan dan kerendahannya dalam menuntut ilmu menjadikannya salah seorang ulama besar dalam Islam.

3. Aisyah binti Abu Bakar

Aisyah ialah isteri Rasulullah ﷺ, merupakan seorang wanita yang sangat pintar dan memiliki pengetahuan yang luas tentang Islam. Beliau sering kali menjadi rujukan para sahabat dan generasi berikutnya.

Aisyah banyak meriwayatkan hadis dan memberikan fatwa dalam berbagai masalah. Para sahabat selalu merujuk kepadanya untuk mendapatkan penjelasan mengenai ajaran Rasulullah ﷺ. Aisyah memiliki pemahaman yang mendalam tentang al-Quran, hadis dan fiqah.

4. Abdullah bin Mas'ud

Abdullah ialah salah seorang sahabat yang paling awal memeluk Islam. Abdullah terkenal kerana kefasihannya membaca al-Quran serta pemahamannya yang mendalam tentang Islam.

Beliau belajar secara langsung daripada Rasulullah ﷺ dan acap kali mendampingi baginda. Abdullah menjadi salah seorang sahabat yang sangat dekat dengan Rasulullah ﷺ dan sering kali diminta untuk membaca al-Quran di hadapan baginda. Abdullah bin Mas'ud turut mengajarkan al-Quran dan ajaran Islam kepada banyak orang dan menjadi rujukan utama.

5. Salman al-Farisi

Salman al-Farisi merupakan seorang sahabat yang berasal dari Parsi. Beliau dikenali sebagai seorang yang gigih mencari kebenaran sebelum akhirnya bertemu dengan Rasulullah ﷺ dan memeluk Islam.

Salman meninggalkan kampung halamannya di Parsi untuk mencari kebenaran dan sering bertukar-tukar agama sehinggalah beliau mendengar tentang agama yang dibawa Rasulullah ﷺ. Beliau kemudian pergi ke Madinah untuk bertemu dengan baginda lantas memeluk Islam. Setelah itu, Salman terus menuntut ilmu dan memberi sumbangan besar dalam penyebaran ajaran Islam.

6. Zaid bin Thabit

Zaid ialah sahabat Rasulullah ﷺ yang terkenal dengan kecerdikan dan kepandaian menulis. Zaid diberi tugas oleh Rasulullah ﷺ untuk mempelajari bahasa-bahasa asing, termasuk Suryani (*Aramaic*) dan Ibrani (*Hebrew*).

Pada masa itu, banyak surat dan dokumen orang-orang Yahudi dan Nasrani ditulis dalam bahasa Suryani dan Ibrani. Untuk memahami isi surat-surat tersebut, penterjemah yang boleh dipercayai sangat diperlukan. Maka Rasulullah ﷺ memerintahkan Zaid untuk mempelajari kedua-dua bahasa ini. Di samping itu, penyebaran Islam kepada masyarakat di Syria dan di tempat-tempat lain di utara Semenanjung Arab turut memerlukan penguasaan kedua-dua bahasa tersebut.

Pada masa itu, Zaid masih sangat muda. Lantas beliau mencari orang yang boleh mengajarnya. Beliau belajar dengan tekun dan

dapat menguasai Bahasa Suryani dan Ibrani secara lisan dan tulisan dalam masa yang singkat.

7. Abu Ali Muhammad bin al-Hasan bin al-Haitham al-Basri Al-Misri

Di Eropah, beliau sangat terkenal dengan nama Alhazen. Dilahirkan di Basrah, Iraq pada tahun 354H (965M) dan meninggal dunia di Mesir ketika usianya 74 tahun. Di Eropah, beliau terkenal kerana kepakarannya dalam bidang optik dan cahaya. Selepas menamatkan pelajaran, beliau bekerja sebagai pegawai kerajaan di Basrah.

Seterusnya beliau berpindah ke Baghdad, kota ilmu yang terbesar untuk lebih mendalami ilmu matematik, fizik, astronomi, perubatan dan falsafah bahkan kejuruteraan perancangan bandar.

Ibnu Haitham pernah dijemput ke Mesir untuk menyelesaikan masalah banjir yang selalu melanda, akibat air dari Sungai Nil yang melimpah. Beliau telah membuat kajian reka bentuk sistem hidraulik dan hidrologi lembah Sungai Nil tetapi sistem itu tidak dapat dibina kerana tiada jentera dan peralatan yang cukup pada masa itu.

Beliau kemudian pergi ke Universiti Al-Azhar di Kaherah untuk mengembangkan ilmunya.

Ibnu Haitham juga pernah ke Andalusia untuk mempelajari ilmu optik. Di sana, beliau mengembangkan ilmu optik kepada aras yang lebih tinggi sehingga terkenal di dunia Barat sebagai seorang pakar optik.

Beliau kembali ke Mesir dan meneruskan kerja-kerja ilmiahnya sehingga meninggal dunia pada tahun 1039M pada usia 74 tahun. Ibnu Haitham amat dikenali dengan penemuannya tentang pembiasan cahaya dalam atmosfera dan hukum-hukum optik. Beliau menyatakan bahawa bukan mata yang memberikan cahaya tetapi benda yang dilihat itulah yang memantulkan cahaya ke mata manusia.

Beliau juga telah menghasilkan karya mengenai sifat-sifat kanta dan telah menulis lebih daripada 200 buku dalam berbagai-bagai bidang yang mana kebanyakannya berkenaan optik. Ada juga buku berkenaan perancangan bandar, iaitu *Maqalah fi Istikhraj Samt al-Qiblah* (perancangan bandar/penyusunan kota).



Sentiasa berakhlak baik

Berakhlak mulia adalah salah satu aspek penting dalam Islam. Akhlak yang baik adalah pantulan keimanan seseorang dan bagaimana seseorang itu menjalankan perintah Allah serta mencontohi akhlak Rasulullah ﷺ. Allah SWT berfirman,

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

"Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung." (Al-Qalam: 4)

Rasulullah ﷺ pula bersabda, "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." (HR Ahmad)

Rasulullah ﷺ bersabda lagi, "Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan seorang mukmin di hari kiamat selain akhlak yang baik." (HR Tirmidzi)

Contoh akhlak mulia yang utama adalah:

1 Jujur (As-Sadiq):

Jujur merupakan akhlak yang sangat ditekankan dalam Islam. Rasulullah ﷺ dikenali dengan gelaran "Al-Amin" (yang boleh dipercayai) kerana kejujurannya.

Allah SWT berfirman, "Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan berkatalah dengan perkataan yang benar." (Al-Ahzab: 70)

2. Sabar (As-Sabr):

Sabar menghadapi cubaan dan kesukaran adalah salah satu tanda akhlak yang mulia. Allah SWT berfirman, "Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar." (Al-Baqarah: 153)

3. Kasih Sayang (Ar-Rahmah):

Berkasih sayang terhadap sesama makhluk adalah salah satu akhlak yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ. Sabdanya, "Orang yang penyayang akan disayangi oleh Yang Maha Penyayang. Sayangilah makhluk yang ada di bumi, nescaya yang ada di langit akan menyayangi kalian." (HR Tirmidzi)

4. Pemaaf (Al-Afwu):

Memaafkan kesalahan orang lain adalah akhlak mulia yang sangat dianjurkan dalam Islam. Allah SWT berfirman, "Dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak ingin bahawa Allah mengampunimu?" (An-Nur: 22)

Mari kita lihat akhlak Rasulullah ﷺ dan sahabatnya.

1. Rasulullah ﷺ dan Wanita Yahudi Tua

Ada sebuah kisah mengenai seorang wanita Yahudi tua yang selalu melemparkan kotoran ke arah Rasulullah ﷺ setiap kali baginda melewati rumahnya. Suatu hari, ketika wanita itu sakit dan tidak dapat keluar untuk melakukan perbuatan keji itu, Rasulullah ﷺ mengunjungi dan menyantuninya. Wanita itu terkejut dan terharu dengan kebaikan Rasulullah ﷺ, akhirnya dia memeluk Islam.

Ketika Fath Makkah (Pembukaan Makkah), orang-orang Quraisy yang dahulu memusuhi dan menyiksa Rasulullah ﷺ merasa takut akan pembalasan. Namun, Rasulullah ﷺ dengan penuh kasih sayang dan kemaafan berkata, "Pergilah, kalian semua bebas."

2. Abu Bakar as-Siddiq dan Pemuda yang Memakinya

Abu Bakar as-Siddiq, seorang sahabat Nabi, pernah dimaki oleh seorang pemuda. Namun, Abu Bakar tidak membalasnya dengan kemarahan, sebaliknya hanya mendengar dengan sabar dan kemudian memaafkan pemuda tersebut. Ketika ditanya mengapa beliau bersikap demikian, Abu Bakar menjawab bahwa beliau mengharapkan keampunan dan pahala daripada Allah SWT dengan bersikap sabar dan pemaaf.

3. Umar bin Khattab dan Pengemis Yahudi

Khalifah Umar bin Khattab terkenal dengan keadilan dan kasih sayangnya. Suatu hari, beliau melihat seorang pengemis Yahudi tua di tepi jalan. Umar segera membawa pengemis itu ke baitul mal (perbendaharaan negara) dan memberinya bantuan kewangan. Umar juga memerintahkan agar pengemis tua tersebut diberikan elaun khas dari baitul mal, sehingga dia tidak perlu meminta-minta lagi.

Mari kita lihat akhlak nabi-nabi sebelum Rasulullah ﷺ

1. Nabi Yusuf AS dengan Ketabahannya

Nabi Yusuf a.s. adalah contoh terbaik yang menunjukkan ketabahan dan keadilan. Walaupun saudara-saudaranya sepakat untuk mencederakannya, Yusuf tidak membalas dendam ketika baginda menjadi pembesar Mesir. Sebaliknya, baginda

memaafkan dan memberikan bantuan ketika mereka amat memerlukan.

3. Nabi Musa a.s. dengan Keberaniannya

Nabi Musa a.s. menunjukkan keberanian yang luar biasa sewaktu menyampaikan risalah Allah kepada Firaun, seorang penguasa yang sangat kejam. Walaupun berhadapan dengan ancaman besar, baginda tetap teguh dan sabar menjalankan tugasnya.

4. Nabi Ibrahim a.s. dengan Keteguhannya

Nabi Ibrahim a.s. terkenal dengan keteguhan imannya. Ketika dihadapkan dengan ujian besar berupa perintah untuk menyembelih anaknya, Ismail a.s., Ibrahim menunjukkan ketaatan dan tawakal yang tidak berbelah bagi kepada Allah. Akhirnya, Allah menggantikan Ismail dengan seekor kibas, sebagai tanda keredaan-Nya.

5. Nabi Ayub dengan Kesabarannya

Nabi Ayub a.s. asalnya hidup dalam keadaan yang sangat sejahtera. Baginda seorang yang sangat kaya, memiliki banyak harta, tanah yang luas, ternakan yang banyak serta keluarga yang bahagia dengan anak-anak yang ramai. Di samping kekayaannya, Nabi Ayub a.s. juga dikenali sebagai seorang yang sangat taat kepada Allah SWT, sentiasa bersikap adil dan selalu bersyukur atas nikmat yang diberikan oleh Allah.

Allah menguji keimanan Nabi Ayub a.s. dengan serangkaian cubaan yang sangat berat.

Nabi Ayub a.s. kehilangan semua harta bendanya dalam waktu singkat. Segala ladang, ternakan dan rumahnya hancur. Tak hanya

itu, semua anaknya meninggal dunia dalam bencana yang mengerikan.

Setelah kehilangan harta dan anak-anaknya, Nabi Ayub a.s. juga diuji dengan penyakit kulit yang sangat parah. Penyakit ini membuatkan tubuhnya dipenuhi luka-luka dan bisul, sehingga baginda ditinggalkan oleh masyarakat, bahkan sebahagian besar keluarganya, kecuali isterinya yang setia. Namun Nabi Ayub a.s. tetap bersabar.



Makam Nabi Ayub a.s.

Setelah Nabi Ayub a.s. menunjukkan kesabaran dan keimanannya yang luar biasa, Allah SWT mengabulkan doanya dan memulihkan kesihatannya. Allah tidak hanya menyembuhkan penyakitnya tetapi juga mengembalikan semua harta bendanya yang hilang dan

memberinya anak-anak yang baharu sebagai ganti. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

"Dan ingatlah akan hamba Kami Ayub ketika ia menyeru Tuhannya: 'Sesungguhnya aku diganggu syaitan dengan kepayahan dan seksaan.' (Allah berfirman): 'Hentakkanlah kakimu; inilah air yang sejuk untuk mandi dan untuk minum.' Dan Kami anugerahi dia dengan (mengumpulkan kembali) keluarganya dan Kami tambahkan kepada mereka sebanyak mereka (yang telah hilang) sebagai rahmat dari Kami dan pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai fikiran." (As-Sad: 41-43)



Telaga Nabi Ayub a.s.

Jadilah orang yang berguna kepada masyarakat

Menjadi orang yang berguna kepada masyarakat merupakan suatu ajaran penting dalam Islam. Sikap mulia ini turut ditekankan dalam pelbagai tradisi budaya di seluruh dunia. Dalam Islam, konsep ini sering dikaitkan dengan amal soleh dan sumbangan kepada masyarakat. Antara cara dan prinsip untuk menjadi orang yang berguna kepada masyarakat adalah:

Niat yang Ikhlas

Segala perbuatan mesti dimulakan dengan niat yang ikhlas untuk mencari keredaan Allah. Niat yang baik dan tulus adalah dasar setiap perbuatan yang bermanfaat.

“Sesungguhnya amal itu tergantung niatnya.” (HR Bukhari dan Muslim)

Mencontohi Akhlak Rasulullah ﷺ

Rasulullah ﷺ adalah suri teladan utama dalam berakhlak mulia dan berbuat baik kepada masyarakat. Dengan mencontohi akhlak baginda, kita boleh membaiki peribadi supaya bermanfaat bagi orang lain.

Rasulullah ﷺ bersabda: “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain.” (HR Ahmad, Thabrani)

Menjaga Amanah dan Bersikap Jujur

Menjaga amanah dan selalu jujur dalam segala tindakan akan membangunkan kepercayaan masyarakat lantas menjadikan kita seorang yang berperibadi mulia. Allah SWT berfirman,

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya.” (An-Nisa: 58)

Mengembangkan Ilmu dan Kemahiran

Terus belajar dan mengembangkan ilmu serta kemahiran yang bermanfaat supaya kita dapat memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat. Rasulullah ﷺ bersabda,

“Barang siapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga.” (HR Muslim)

Mari kita lihat kehidupan para sahabat yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat.

Abu Bakar as-Siddiq

Abu Bakar as-Siddiq merupakan sahabat terdekat Rasulullah ﷺ yang terkenal kerana kemurahan hati dan kebajikannya kepada masyarakat. Abu Bakar sering memberi sedekah kepada orang-orang yang memerlukan dan selalu berusaha membantu sesiapa sahaja. Ketika menjadi khalifah, Abu Bakar tetap hidup sederhana dan selalu mengutamakan kepentingan masyarakat.

Umar bin Khattab

Umar bin Khattab selalu ‘meronda’ pada malam hari untuk memeriksa keadaan rakyatnya secara langsung. Suatu malam, beliau mendapati seorang ibu sedang memasak ketulan batu untuk menenangkan anak-anaknya yang kelaparan. Umar segera kembali ke Baitul Mal, lalu mengambil sekarung tepung, lalu menghantarkannya sendiri kepada ibu tersebut. Beliau bahkan membantu memasak makanan untuk mereka. Sikap ini

menunjukkan betapa prihatinnya beliau terhadap rakyat yang susah.

Usman bin Affan

Usman bin Affan, sahabat Rasulullah yang juga merupakan khalifah ketiga, dikenali kerana sifat kedermawanannya. Ketika musim kemarau menimpa, penduduk Madinah mengalami kesukaran untuk mendapatkan air. Seorang Yahudi yang memiliki perigi yang besar mengambil kesempatan dengan menjual air dengan harga yang sangat mahal. Lalu Usman membeli perigi itu walaupun orang Yahudi itu meletakkan harga yang terlalu tinggi. Kemudian Usman mewakafkan perigi itu kepada masyarakat, yang bermakna sesiapa sahaja boleh mengambil air tersebut dengan percuma.

Abdul Rahman bin Auf

Abdul Rahman bin Auf ialah seorang sahabat yang kaya dan juga dermawan. Ketika terjadi kemarau dan krisis kelaparan di Madinah, beliau mendatangkan 700 ekor unta yang sarat dengan makanan dan bahan asas dari Syam. Semua bahan tersebut kemudian disedekahkan kepada masyarakat yang memerlukan, menunjukkan sifat mulianya untuk membantu.

Zaid bin Thabit

Zaid bin Thabit lahir di Madinah sekitar 610M. Beliau berasal dari suku Khazraj, salah satu suku terbesar di Madinah. Zaid masih muda ketika Rasulullah ﷺ berhijrah ke Madinah.

Beliau ingin menyertai peperangan Badar tetapi tidak dibenarkan oleh Rasulullah ﷺ kerana usianya yang sangat muda. Lalu Zaid menumpukan perhatiannya pada hafalan al-Quran. Beliau juga seorang yang pintar dan cepat belajar. Di kala kemahiran menulis dan membaca masih jarang diamalkan waktu itu, beliau telahpun mahir sehingga Rasulullah ﷺ memberi kepercayaan kepadanya untuk menulis wahyu. Kemudian Rasulullah ﷺ melantiknya sebagai penulis surat rasmi.

Setelah kewafatan Rasulullah ﷺ, terjadi peperangan Yamamah yang mengorbankan ramai penghafal al-Quran. Umar bin Khattab mengusulkan kepada Khalifah Abu Bakar untuk mengumpulkan al-Quran dalam satu mushaf agar tidak ada bahagian yang hilang. Abu Bakar lalu melantik Zaid bin Thabit untuk memimpin tugas penting ini. Dengan penuh dedikasi, Zaid mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dari berbagai sumber, termasuk hafalan para sahabat dan catatan yang tersebar.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Usman bin Affan, terjadi perbezaan dalam bacaan al-Quran di berbagai wilayah. Untuk mencegah perpecahan, Usman memerintahkan supaya satu salinan rasmi al-Quran dibuat dan dikirim ke pelbagai daerah. Sekali lagi, Zaid bin Thabit diberi kepercayaan untuk memimpin tugas ini. Sehingga ke hari ini umat Islam di seluruh dunia mendapat manfaat daripada hasil kerjanya.

8

Mengawal hawa nafsu

Mengawal hawa nafsu sangat penting dalam kehidupan manusia. Hawa nafsu dapat diertikan sebagai dorongan atau keinginan manusia yang sering kali bertentangan dengan nilai-nilai moral dan ajaran agama. Islam mengajar kepentingan mengendalikan hawa nafsu dengan baik untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Kita boleh mengawal hawa nafsu dengan:

- Sentiasa ingat kepada Allah
- Ingat balasan akhirat
- Berniat ikhlas
- Banyakkan berpuasa
- Menjaga pandangan
- Bersahabat dengan orang-orang soleh
- Banyak berdoa kepada Allah

Nabi Yusuf a.s. telah menunjukkan contoh yang baik dalam mengendalikan hawa nafsu. Ketika Nabi Yusuf bertugas di dalam rumah seorang pembesar Mesir, isterinya yang cantik, Zulaikha, cuba menggoda baginda. Namun, baginda menolak dengan tegas dan memilih untuk tetap menjaga kesucian dirinya. Zulaikha kemudian memfitnahnya sehingga baginda dimasukkan ke dalam penjara.

Allah SWT berfirman, "Dan sungguh, perempuan itu telah bermaksud (melakukan perbuatan itu) dengan Yusuf, dan Yusuf

pun bermaksud (melakukannya) dengan perempuan itu sekiranya dia tidak melihat tanda (dari) Tuhannya. Demikianlah, agar Kami memalingkan daripadanya keburukan dan kekejian. Sesungguhnya dia termasuk hamba-hamba Kami yang terpilih." (Yusuf: 24)

Dahulu, ada seorang lelaki yang sangat kuat beribadah. Terdapat seorang perempuan yang amat tertarik kepadanya. Perempuan itu telah menghantar seorang hamba perempuan untuk memanggil ahli ibadah itu datang ke rumah.

Hamba itu berkata: "Kami mahu menjemput engkau menjadi saksi."

Lalu, ahli ibadah itu bersetuju dan mengikut hamba itu. Apabila sampai, dia memasuki beberapa pintu yang kemudian ditutup satu demi satu. Akhirnya, dia bertemu dengan perempuan cantik yang menjemputnya datang. Di sebelahnya ada seorang kanak-kanak dan sebekas arak.

Perempuan itu berkata: "Demi Allah! Aku menjemputmu bukan untuk menjadi saksi. Aku menjemputmu agar engkau bersetubuh denganku atau engkau boleh pilih untuk minum arak atau engkau perlu membunuh kanak-kanak ini."

Ahli ibadah itu berkata: "Berilah aku minum arak ini segelas."

Lalu, dia diberikan minuman itu. Kemudian, beliau berkata lagi: "Tambahkanlah untukku."

Dia tidak berhenti minum sehingga hilang pertimbangan dan akhirnya berzina dengan perempuan itu dan membunuh kanak-kanak itu pula.

Oleh itu, jauhilah arak; kerana demi Allah, sesungguhnya iman tidak dapat menyatu dengan khamar (arak) dalam dada seseorang melainkan harus keluar salah satunya.” (HR An-Nasai)

Kisah Qarun

Qarun ialah seorang hartawan berketurunan Bani Israil yang hidup pada zaman Nabi Musa a.s.. Dia terkenal sebagai salah seorang yang terkaya pada zamannya. Allah SWT memberinya kekayaan yang luar biasa, hingga kunci-kunci gudang hartanya saja sukar untuk diangkat waima oleh orang-orang yang kuat.

Walaupun dianugerahkan harta yang melimpah, Qarun masih sombong dan bernaflu untuk mendapatkan lebih banyak harta. Ketika dia dinasihati supaya bersyukur dan menggunakan hartanya pada jalan Allah, Qarun menolak dengan angkuh.

Allah berfirman dalam al-Quran:

"Sesungguhnya Qarun adalah termasuk kaum Musa, maka ia berlaku aniaya terhadap mereka, dan Kami telah menganugerahkan kepadanya perbendaharaan harta yang kunci-kuncinya sungguh berat dipikul oleh sejumlah orang yang kuat-kuat. (Ingatlah) ketika kaumnya berkata kepadanya: 'Janganlah kamu terlalu bangga; sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang terlalu membanggakan diri.'" (Al-Qasas: 76)

Nabi Musa a.s. memperingatkan Qarun agar bersikap rendah hati dan menggunakan hartanya untuk kebaikan. Baginda juga mengingatkan Qarun bahawa kekayaan yang dimilikinya adalah ujian daripada Allah dan dia harus bersedekah serta membantu orang-orang yang memerlukan.

Namun, Qarun dengan bongkok menolak nasihat Nabi Musa itu. Dia malah menunjukkan kekayaannya kepada orang-orang Bani Israil. Qarun turut menuduh Nabi Musa a.s. memiliki niat buruk terhadapnya dan berusaha menjatuhkannya.

Dengan kesombongan dan ketamakannya itu, Allah menurunkan azab yang berat kepada Qarun. Allah telah membenamkan Qarun beserta rumah dan seluruh kekayaannya ke dalam bumi. Kejadian ini menunjukkan bahwa kekayaan dunia tidak akan berguna jika seseorang itu tidak memiliki iman dan tidak bersyukur kepada Allah.

"Maka Kami benamkan dia (Qarun) beserta rumahnya ke dalam bumi. Maka tidak ada baginya suatu golongan yang menolongnya terhadap azab Allah. Dan tiadalah ia termasuk orang-orang (yang dapat) membela (dirinya)." (Al-Qasas: 81)



Jagalah waktu

Allah SWT berfirman,

وَالْعَصْرِ
 إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ
 إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالْحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ

“Demi Masa!

Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian.

Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.”

(Al-Asr: 1-3)

Rasulullah ﷺ sering kali mengingatkan umatnya tentang pentingnya menjaga dan memanfaatkan waktu. Dalam sebuah hadis, Rasulullah ﷺ bersabda, "Ada dua nikmat yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia: kesehatan dan waktu luang." (HR Bukhari)

Imam Syafie pernah berkata, "Waktu adalah pedang. Jika engkau tidak memotongnya, ia akan memotongmu."

Abu Bakar As-Siddiq, khalifah pertama selepas Rasulullah ﷺ dikenali sebagai seorang yang sangat disiplin mengatur waktunya.

Beliau selalu mendahulukan kewajiban ibadah dan melayani umat daripada kepentingan peribadi.

Umar bin Khattab, khalifah kedua, terkenal dengan kedisiplinannya menjalankan tugas-tugas sebagai ketua negara. Umar sering meronda pada malam hari untuk memastikan kesejahteraan rakyatnya dan menegakkan keadilan.

Usman bin Affan, khalifah ketiga, terkenal sebagai seorang usahawan yang berjaya dan dermawan. Walaupun sibuk dengan urusan perniagaan, Usman selalu memperuntukkan waktu untuk beribadah dan berinfak di jalan Allah.

Ali bin Abi Talib, khalifah keempat, seorang yang sangat rajin mempelajari ilmu dan beribadah. Beliau banyak menghabiskan waktu malamnya untuk membaca al-Quran dan berdoa.

Abdullah bin Mas'ud pula terkenal kerana pengetahuannya yang luas mengenai al-Quran. Sahabat Rasulullah ini selalu menghabiskan waktunya mempelajari dan mengajar al-Quran. Beliau juga sangat menjaga waktu dalam hidupnya. Katanya, "Aku tidak pernah menyesali sesuatu seperti aku menyesali hari yang mana matahari terbenam dan umurku berkurang sementara amalanku tidak bertambah."

Abu Hurairah pula merupakan sahabat Rasulullah ﷺ yang terkenal dengan ingatannya yang tajam dan banyaknya hadis yang diriwayatkan. Dia sangat menghargai waktu dan selalu berusaha mengisi waktunya dengan perkara-perkara yang bermanfaat. Diceritakan bahawa Abu Hurairah selalu membawa sebungkus kurma di dalam poketnya. Setiap kali apabila merasakan waktunya tidak dimanfaatkan dengan baik, beliau akan mengambil

sebiji kurma dan memakannya sambil memikirkan cara supaya masanya menjadi lebih bermakna.

Hasan Al-Basri adalah seorang tabiin yang terkenal dengan kebijaksanaan dan keilmuannya. Beliau pernah berkata, "Wahai anak Adam, sesungguhnya engkau adalah kumpulan hari-hari. Setiap hari yang berlalu, maka sebahagian daripadamu pun ikut pergi." Hasan Al-Basri sangat sedar betapa terhadnya waktu dan selalu berusaha memanfaatkannya sebaik mungkin untuk beribadah dan mencari ilmu.

Imam Syafie, seorang mazhab dalam Islam, terkenal dengan kecekapannya mengurus waktu. Diceritakan bahawa beliau membahagikan malamnya kepada tiga bahagian: sepertiga untuk tidur, sepertiga untuk menulis dan sepertiga untuk beribadah. Dengan cara ini, Imam Syafie mampu mengoptimumkan waktu untuk kegiatan yang bermanfaat tanpa mengabaikan keseimbangan antara istirahat, ilmu dan ibadah.



Istighfar, istighfar

Istighfar merupakan permohonan ampun kepada Allah SWT atas segala dosa dan kesalahan yang telah kita lakukan. Amalan ini juga merupakan satu bentuk ibadah yang sangat dianjurkan dalam Islam kerana membuatkan kita sedar akan kesalahan diri diikuti keinginan untuk kembali kepada jalan yang benar.

Allah SWT adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Melalui istighfar, kita dapat meraih keampunan dan rahmat-Nya. Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman, "Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhanmu dan bertaubat kepada-Nya. Nescaya Dia akan memberikan kenikmatan yang baik (terus-menerus) kepadamu sampai kepada waktu yang telah ditentukan." (Hud: 3)

Istighfar adalah cara untuk menghapus dosa dan kesalahan yang telah dilakukan. Rasulullah ﷺ bersabda, "Siapa yang melazimkan istighfar, Allah akan menjadikan baginya setiap kesukaran dan kesedihan itu ada jalan keluar serta Allah akan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka." (HR Abu Dawud dan Ibn Majah)

Istighfar juga dapat membawa keberkatan dalam hidup. Allah berfirman dalam al-Quran, "Maka aku katakan kepada mereka, 'Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sungguh, Dia Maha Pengampun. Nescaya Dia akan menurunkan hujan yang lebat dari langit kepadamu, dan Dia memperbanyak harta dan anak-anakmu, dan mengadakan untukmu kebun-kebum dan mengadakan (pula di dalamnya) untukmu sungai-sungai.'" (Nuh: 10-12)

Di samping itu, istighfar juga sangat penting untuk:

Menjadi hamba yang dicintai Allah: Istighfar adalah tanda kesedaran dan ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya. Dengan beristighfar, seorang hamba menunjukkan kerendahan hati dan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah.

Ketenangan jiwa: Istighfar membawa ketenangan jiwa kerana diri terasa lebih dekat dengan Allah di samping berusaha untuk membersihkan diri daripada dosa.

Membuka pintu rezeki: Seperti disebutkan dalam hadis di atas, melazimkan istighfar dapat membuka pintu rezeki dan menghilangkan kesusahan hidup.

Mencegah azab Allah: Istighfar sebagai perisai daripada azab Allah. Dalam kebanyakan ayat al-Quran, disebutkan bahawa Allah tidak akan mengazab sesuatu kaum selama mereka beristighfar. Firman Allah SWT, "Dan Allah sekali-kali tidak akan mengazab mereka, sedang kamu berada di antara mereka. Dan tidaklah (pula) Allah akan mengazab mereka, sedang mereka meminta ampun." (Al-Anfal: 33)

Sehubungan dengan istighfar, terdapat beberapa kisah yang menarik:

Nabi Yunus a.s. adalah seorang nabi yang sangat terkenal dengan kisahnya ditelan ikan paus. Ketika baginda berdakwah kepada kaumnya tetapi mereka menolak untuk beriman, baginda berasa putus asa lalu meninggalkan mereka. Dalam perjalanan, baginda ditelan oleh seekor ikan paus. Selama berada di dalam perut ikan, Nabi Yunus a.s. menyedari kesalahannya lantas beristighfar serta berdoa kepada Allah, "Tidak ada Tuhan selain Engkau, Maha Suci

Engkau, sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang zalim.” (Al-Anbiya: 87)

Asbab istighfar dan doanya yang tulus dan ikhlas, lalu Allah mengampuninya dan menyelamatkannya dari perut ikan tersebut. Baginda kemudian kembali kepada kaumnya dan mereka akhirnya beriman dengan agama yang dibawa baginda.

Hasan al-Basri, seorang ulama terkenal, diceritakan pernah didatangi seorang lelaki yang mengeluh tentang pelbagai masalah dalam hidup masyarakatnya seperti kemarau, kemiskinan dan tiada anak. Hasan lantas menyarankan mereka untuk memperbanyak istighfar. Ketika murid-muridnya bertanya sebab beliau memberikan nasihat yang sama untuk masalah yang berlainan, Hasan menjawab bahawa istighfar adalah kunci segala permasalahan, sebagaimana firman Allah dalam surah Nuh, ayat 10-12.

Imam Ahmad bin Hanbal, pada suatu hari mengembara dan singgah di sebuah kota. Ketika malam tiba, beliau tidak menemukan tempat untuk menginap lalu tertidur di masjid. Penjaga masjid telah mengusirnya, tetapi seorang tukang roti yang melihat kejadian itu menawarkan rumahnya sebagai tempat berehat. Sepanjang berada di rumah itu, Imam Ahmad memerhatikan tukang roti tersebut selalu beristighfar ketika membuat roti. Ketika ditanya Imam Ahmad tentang kebiasaan itu, dia menjawab bahawa semua doanya selalu dikabulkan Allah kecuali satu, iaitu hajatnya untuk bertemu dengan Imam Ahmad bin Hanbal. Mendengar jawapan itu, beliau lalu berkata, "Akulah Ahmad bin Hanbal. Istighfarmu telah membuat Allah mendorongku ke rumahmu."

Khalifah Umar bin Abdul Aziz pula merupakan seorang khalifah yang terkenal dengan keadilannya. Dikisahkan pada suatu malam, beliau berjalan malam untuk melihat keadaan rakyatnya. Beliau melakukan perkara ini secara diam-diam untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang keadaan rakyatnya secara langsung. Sedang beliau berjalan, tiba-tiba terdengar suara seorang ibu yang sedang menenangkan anaknya yang menangis kelaparan. Ibu tersebut meminta anaknya bersabar, kerana sebentar lagi mereka akan makan. Mendengar perbuatan tersebut, beliau sangat tersentuh lalu mengetuk pintu rumah dan meminta izin masuk. Umar bertanya ibu tersebut tentang keadaannya. Ibu itu menjelaskan bahawa suaminya telah meninggal dunia dan dia terpaksa menjaga anak-anaknya seorang diri. Mereka hidup dalam kemiskinan dan seringkali kekurangan makanan. Umar sangat terharu dengan keadaan itu lalu segera memberikan makanan dan wang kepada ibu tersebut. Semenjak hari itu, beliau tidak henti-henti beristighfar memohon keampunan Allah atas kelemahannya menguruskan rakyat.



Jangan bergantung kepada manusia

Bergantunglah hanya kepada Allah SWT, bukan kepada manusia. Itulah yang dikatakan tawakal kepada Allah SWT semata-mata. Maknanya, setelah berusaha sedaya upaya, kita meletakkan segala-galanya kepada Allah SWT. Hal ini mencerminkan keimanan dan keyakinan yang kuat bahawa Allah SWT adalah pengatur segala sesuatu dan hanya Dia yang dapat memberikan pertolongan serta rezeki. Allah SWT berfirman:

"Katakanlah: Sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah pelindung kami, dan hanya kepada Allah orang-orang yang beriman harus bertawakal." (At-Taubah:51)

"Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepada-Nya." (Ali-Imran:159)

"Dan mengapa kami tidak akan bertawakal kepada Allah padahal Dia telah menunjukkan jalan kepada kami, dan kami sungguh-sungguh akan bersabar terhadap gangguan-gangguan yang kamu lakukan kepada kami. Dan hanya kepada Allah saja orang-orang yang bertawakal itu berserah diri." (Ibrahim:12)

Rasulullah ﷺ juga telah menerangkan mengenai tawakal. Antara hadis yang berkaitan dengan tawakal adalah:

Dari Umar bin Khattab r.a., Rasulullah ﷺ bersabda, "Seandainya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Allah akan memberi rezeki seperti Dia memberi rezeki

kepada burung. Mereka pergi di pagi hari dengan perut kosong dan pulang di petang hari dengan perut kenyang." (HR Tirmidzi)

Dari Abdullah bin Abbas r.a., Rasulullah ﷺ bersabda: "Barang siapa yang menggantungkan dirinya kepada Allah, maka Allah akan mencukupinya." (HR Ahmad)

Nabi Ibrahim a.s. telah menunjukkan aras tawakal yang amat tinggi apabila Namrud melempar baginda ke dalam api. Baginda menyebut, "Hasbunallah wa ni'mal wakil" yang bermaksud "cukuplah Allah sebagai penolong kami" dan "Allah adalah sebaik-baik pelindung." Dengan kuasa Allah, api tersebut bertukar dingin dan tidak membakar tubuh baginda.

Nabi Musa a.s. juga telah menunjukkan aras tawakal yang hebat ketika dikejar oleh Firaun dan bala tenteranya. Baginda dan para sahabat tidak dapat lari ke mana-mana ketika tiba di tepi Laut Merah. Dalam keadaan yang sangat genting, baginda bertawakal kepada Allah dan memohon pertolongan-Nya. Lalu Allah memerintahkan baginda memukul permukaan laut dengan tongkatnya. Maka terbelahlah laut itu dan terbukalah jalan bagi mereka melarikan diri.

Para sahabat Rasulullah ﷺ juga telah menunjukkan contoh kebergantungan kepada Allah setelah berusaha sedaya upaya. Dalam peristiwa Hijrah, Abu Bakar r.a. bertawakal sepenuhnya kepada Allah kerana perjalanan untuk menyebarkan dakwah itu penuh dengan risiko dan bahaya. Abu Bakar bersama Rasulullah ﷺ diburu oleh orang-orang Mekah yang dijanjikan hadiah yang sangat lumayan jika dapat menangkap mereka. Perjalanan pada waktu malam pula sangat bahaya dengan ancaman binatang buas dan berbisa.

Ketika bersembunyi di Gua Tsur, Abu Bakar r.a. terpandang sebuah lubang kecil. Lalu beliau menutupi lubang tersebut dengan kakinya. Tiba-tiba muncul seekor kala jengking lalu menggigit kakinya tetapi beliau langsung tidak bergerak walau sedikitpun atau mengeluarkan suara yang mungkin akan mengejutkan dan mengganggu Rasulullah ﷺ yang sedang beristirahat. Air matanya mengalir sewaktu menahan sakit, air mata itu lalu jatuh terkena Rasulullah ﷺ dan menyebabkan baginda terbangun. Rasulullah ﷺ segera mengusap bekas gigitan itu dengan air liurnya dan berdoa. Dengan izin Allah, rasa sakit itu hilang. Selepas itu, orang-orang Quraisy yang memburu mereka tiba di depan gua dan berada sangat hampir dengan mereka. Abu Bakar r.a. mula cemas. Rasulullah ﷺ menenangkannya dengan berkata, "Jangan bersedih, sesungguhnya Allah bersama kita." (At-Taubah: 40)

Umar bin Khattab r.a. adalah orang yang sangat cekap membuat perancangan dan strategi pelaksanaan. Semasa zaman pemerintahannya, wilayah Islam berkembang dengan sangat cepat. Malah dapat mengalahkan Kerajaan Rom dan menumbangkan Kerajaan Parsi. Namun, setiap kali memulakan satu-satu inisiatif, Umar akan bertawakal sepenuhnya kepada Allah. Beliau selalu mengulang-ulang hadis ini, "Jika engkau bergantung kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Dia akan memberi rezeki kepadamu sebagaimana Dia memberi rezeki kepada burung yang pergi pagi-pagi dalam keadaan lapar dan pulang pada petang hari dalam keadaan kenyang." (HR Tirmidzi)

Usman bin Affan r.a., selalu menginfakkan hartanya di jalan Allah dengan keyakinan bahawa Allah akan menggantinya dengan rezeki yang lebih baik. Apabila umat Islam berhadapan dengan ancaman musuh, Usman menginfakkan sebahagian besar hartanya untuk

melengkapi keperluan tentera Islam. Beliau sangat yakin bahawa Allah akan menggantikan harta yang telah diinfakkan, dengan memberinya keberkatan dan pahala yang berlipat ganda.

Ali bin Abi Talib r.a. yang juga sepupu dan menantu Rasulullah ﷺ, tidak kurang hebatnya dalam tawakal. Ketika malam hijrah, Rasulullah ﷺ telah meminta Ali berbaring di tempat tidur baginda. Pada waktu itu, orang-orang Quraisy Mekah telah mengumpulkan pemuda-pemuda daripada setiap suku kaum mereka untuk membunuh Rasulullah ﷺ. Mereka telah mengepung rumah itu dan bertekad untuk membunuh Rasulullah ﷺ pada malam itu juga. Maknanya, jika mereka berjaya menyerbu masuk, maka Ali pasti terbunuh, tetapi dengan penuh tawakal Ali mentaati perintah Rasulullah ﷺ supaya baginda dapat menyelinap keluar pada waktu malam untuk urusan dakwah.



12

Bercita-cita tinggi dan berwawasan

Bercita-cita tinggi dan berwawasan amat penting bagi kita, sebabnya:

- Cita-cita yang tinggi memberikan motivasi dan tujuan yang jelas dalam hidup. Ini membantu kita untuk terus berusaha, bekerja keras dan tidak mudah menyerah meskipun menghadapi rintangan.
- Dengan bercita-cita tinggi, kita akan terdorong untuk terus belajar dan mengembangkan potensi diri. Ini membuka peluang untuk memperoleh pengetahuan baharu, lebih berketerampilan dan mencapai wawasan yang lebih luas.
- Orang yang memiliki cita-cita tinggi dan wawasan luas cenderung memberikan sumbangan yang lebih besar kepada masyarakat. Kita mampu menginspirasi orang lain, membuat perubahan dan membangunkan masyarakat.
- Dengan bercita-cita tinggi, kita dapat mencapai tahap yang luar biasa yang mungkin nampak mustahil bagi orang biasa. Hal ini membantu dalam penciptaan teknologi, inovasi dan kemajuan dalam berbagai bidang.

Ketika Rasulullah ﷺ berhijrah ke Madinah, penguasa Mekah telah menawarkan hadiah yang besar kepada siapa sahaja yang dapat menangkapnya. Antara orang yang memburunya ialah Surakah bin Malik. Ketika Surakah dapat mendekati Rasulullah ﷺ dan Abu

Bakar r.a., baginda menawarkan gelang dan perhiasan kebesaran Raja Parsi jika melepaskan baginda. Surakah bersetuju dan berhenti memburu lalu kembali ke Mekah. Bahkan dia memberikan jaminan tidak akan membuka mulut berkenaan Rasulullah ﷺ kepada kaum Quraisy. Bertahun-tahun kemudian tawaran janji Rasulullah ﷺ menjadi kenyataan. Ketika tentera Islam menakluk Parsi, Khalifah Umar bin Khattab memberikan gelang, mahkota dan bengkung Raja Parsi kepada Surakah.

Perang Khandaq terjadi pada tahun 627M (5H) ketika bilangan umat Islam masih sedikit dan terpaksa berhadapan dengan tentera bersekutu. Rasulullah ﷺ menggunakan kaedah pertahanan dengan menggali parit besar. Ketika kerja-kerja menggali parit, para sahabat menemukan sebuah batu besar yang sangat keras dan tidak dapat dipecahkan. Rasulullah ﷺ mendekati batu tersebut dengan kapak di tangan. Baginda mengangkat kapak itu lalu memukul batu tersebut sambil mengucapkan "Bismillah" (Dengan nama Allah). Ketika kapak itu menghentam batu, keluar percikan api yang sangat terang dan batu itu mulai retak. Rasulullah ﷺ kemudian memukul batu itu sekali lagi lalu keluar percikan api yang lebih besar yang akhirnya batu tersebut hancur.

Ketika percikan api pertama, Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa Syam (Suriah, Palestin dan Lubnan) akan jatuh ke tangan umat Islam.

Ketika percikan api kedua, baginda menyatakan bahawa Parsi akan jatuh kepada umat Islam.

Percikan api ketiga pula, Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa Yaman akan jatuh kepada umat Islam.

Peristiwa-peristiwa ini menunjukkan betapa jauhnya wawasan dan besarnya cita-cita Rasulullah ﷺ .

Baginda juga bersabda, "Sungguh, Konstantinopel akan ditaklukkan. Maka sebaik-baik pemimpin adalah pemimpinnya dan sebaik-baik pasukan adalah pasukan itu."(HR Ahmad)

Penaklukan Konstantinopel akhirnya tercapai pada tahun 1453M oleh Sultan Mehmed II dari Kerajaan Usmaniyah, iaitu hampir 800 tahun selepas kewafatan Rasulullah ﷺ. Sultan Mehmed II, yang dikenali sebagai Muhammad al-Fateh atau *Mehmed the Conqueror*, dianggap sebagai pemimpin yang disebut dalam hadis Rasulullah ﷺ.

Nabi Ibrahim a.s. juga telah menunjukkan cita-cita besar dengan wawasan yang jauh ketika membina Kaabah bersama anaknya Nabi Ismail. Pada waktu itu, kawasan di sekitar Kaabah sunyi sepi dan kering kontang. Namun baginda berwawasan supaya Kaabah menjadi pusat ibadah bagi umat Islam dari seluruh dunia selain sebagai simbol tauhid yang teguh. Jauhnya wawasan Nabi Ibrahim a.s. terserlah ketika baginda berdoa kepada Allah:

"Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata: 'Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini (Mekah) negeri yang aman, dan jauhkanlah aku beserta anak cucuku daripada menyembah berhala-berhala. Ya Tuhanku, sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan kebanyakan manusia. Barangsiapa mengikutiku, maka sesungguhnya orang itu termasuk golonganku, dan barang siapa yang menderhakaiku, maka sesungguhnya Engkau, Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.'" (Ibrahim: 35-36)

Kemudian Nabi Ibrahim a.s. berdoa agar keturunannya diberi kesejahteraan dan rezeki yang melimpah. Doanya, "Ya Tuhan

kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman berdekatan rumah-Mu (Baitullah) yang dihormati. Ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan berilah rezeki mereka daripada buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur." (Ibrahim: 37)

Pada hari ini kita dapat lihat terdapat berbagai-bagai buah-buahan dan makanan yang mencukupi di Mekah.



Masjid Nabi Ibrahim, iaitu tempat kelahiran Nabi Ibrahim a.s.

Matlamat ukhrawi lebih penting berbanding matlamat dunia

Kehidupan di dunia amat singkat berbanding dengan kehidupan selepasnya. Jika kehidupan di dunia dianggarkan lebih kurang 70 tahun, di alam barzakh mungkin beribu tahun. Selepas itu ada pula kehidupan yang kekal. Orang yang banyak berbuat amal soleh akan kekal di syurga manakala yang ingkar dan kufur kepada Allah akan kekal di neraka.

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan betapa fananya kehidupan dunia. Antaranya adalah:

- Allah menyatakan kehidupan dunia adalah sementara.
"Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan senda gurau dan main-main. Dan sesungguhnya akhirat itulah yang sebenarnya kehidupan, jika mereka mengetahui." (Al-Ankabut: 64)
- Allah memaklumkan bahawa kehidupan akhirat jauh lebih baik.
"Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka pasti Kami akan berikan kepadanya kehidupan yang baik dan Kami akan beri balasan dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan." (An-Nahl: 97)
- Allah SWT mengingatkan bahawa kehidupan dunia mampu memperdaya manusia dan boleh menjerumuskan kita ke dalam neraka. Firman-Nya, "Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Dan sesungguhnya pada hari kiamat sajalah

disempurnakan pahalamu. Barang siapa dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam surga, maka sungguh ia telah beruntung. Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan."

(Ali Imran: 185)

- Allah SWT mengingatkan hamba-Nya supaya memberi tumpuan kepada matlamat akhirat tetapi jangan lupa kehidupan dunia. Firman-Nya, "Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan."

(Al-Qasas: 77)

Dalam kalangan sahabat Rasulullah ﷺ, Abdul Rahman bin Auf antara yang terkaya. Namun begitu, beliau tetap mengutamakan akhirat dalam setiap tindakannya. Ketika berhijrah ke Madinah, Abdul Rahman meninggalkan seluruh hartanya di Mekah sebagai memenuhi syarat yang ditetapkan oleh orang-orang Mekah jika beliau ingin berhijrah. Apabila tiba di Madinah, beliau dipersaudarakan dengan Sa'ad bin Rabi' al-Ansari yang menawarkan setengah daripada hartanya. Akan tetapi, Abdul Rahman menolak tawaran itu dan hanya meminta ditunjukkan pasar kepadanya.

Dalam waktu singkat, Abdul Rahman berjaya membangunkan kembali kekayaannya di Madinah. Walaupun demikian, beliau

tidak lupa bahawa hartanya hanyalah pinjaman daripada Allah dan selalu memanfaatkan kekayaannya untuk kepentingan akhirat. Ketika Perang Tabuk, Rasulullah ﷺ meminta infak. Abdul Rahman datang dengan membawa 200 uqiyah emas (lebih kurang 4.5 kg emas) untuk disumbangkan.

Abdul Rahman juga tidak lupa memperuntukkan sebahagian kekayaannya untuk membebaskan hamba. Baginya, usaha ini adalah ibadah dan persiapan untuk akhirat. Bersedekah kepada fakir miskin juga merupakan agenda besar baginya untuk mempersiapkan diri di akhirat. Beliau pernah menyedekahkan 40,000 dinar emas (harga 1 dinar lebih kurang RM 1,150 pada tahun 2024) kepada fakir miskin di Madinah.

Menjelang akhir hayatnya, Abdul Rahman mewasiatkan sejumlah besar hartanya untuk disedekahkan kepada keluarga yang berjuang dalam Perang Badar serta fakir miskin. Wasiat ini menunjukkan beliau sangat peduli dengan kehidupan setelah mati dan berusaha memastikan hartanya memberikan manfaat yang berterusan kepada ummah.



Apa yang kau lihat tidak semestinya benar

Apa yang kita lihat belum tentu benar walaupun kelihatan sangat meyakinkan. Sebab itu, kita perlu berhati-hati dan jangan cepat membuat penilaian dan berprasangka. Apa yang kita lihat menghasilkan persepsi yang akan mempengaruhi cara kita bertindak. Sehubungan dengan perkara ini Allah SWT berfirman,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرَهُنَّ مُوهً ۚ وَآتَقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ١٢

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah banyak dari prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah ada di antara kamu yang menggunjing (memfitnah) sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang." (Al-Hujurat: 12)

Pada suatu hari, kelihatan Aisyah r.a., isteri Rasulullah ﷺ berduaduaan dengan Safwan bin Mu'attal memasuki kota Madinah. Insiden ini telah menyebabkan ramai penduduk Madinah berpendapat bahawa Aisyah telah berkelakuan tidak senonoh dengan Safwan. Cerita ini lantas tersebar dengan sangat cepat.

Sebenarnya kisah ini terjadi setelah Perang Bani Mustaliq. Rasulullah ﷺ biasanya mengadakan undian untuk menentukan

isteri manakah yang akan menemani baginda dalam ekspedisi ketenteraan. Kali ini, undian jatuh kepada Aisyah r.a.. Dalam perjalanan pulang ke Madinah, rombongan mereka berhenti rehat sebentar. Aisyah telah keluar atas suatu urusan. Apabila kembali, beliau tersedar bahawa kalungnya hilang, lalu keluar semula mencarinya.

Sementara itu, rombongannya menyangka Aisyah sudahpun menaiki kenderaannya. Lalu mereka meneruskan perjalanan tanpa memeriksa keberadaan Aisyah terlebih dahulu. Dalam keadaan bersendirian, Aisyah ditemui Safwan, seorang sahabat yang ditugaskan untuk memastikan keselamatan semua ahli rombongan. Maka, Safwan menghantar Aisyah pulang ke Madinah dengan kudanya. Mereka tiba di Madinah pada siang hari. Malangnya setelah mereka dilihat hanya berdua tanpa ahli rombongan lain, beberapa orang yang memerhati keadaan itu mula menyebarkan fitnah mengatakan Aisyah telah berkelakuan tidak senonoh dengan Safwan.

Fitnah ini terus tersebar dan menyebabkan kegelisahan dalam kalangan umat Islam. Beberapa orang sahabat turut termakan oleh fitnah ini, sementara yang lain tetap yakin akan kesucian Aisyah. Rasulullah ﷺ sangat tertekan dengan keadaan ini lalu menanyakan hal sebenar kepada Aisyah. Aisyah yang tidak sedar tentang fitnah yang tersebar, juga tertekan dengan pertanyaan Rasulullah ﷺ. Lalu Aisyah berdoa dan memohon pertolongan Allah SWT untuk membuktikan kesuciannya. Rasulullah ﷺ turut berdoa agar Allah menunjukkan kebenaran.

Beberapa hari kemudian, Allah SWT menurunkan wahyu yang membebaskan Aisyah daripada segala tuduhan serta menegur mereka yang menyebarkan fitnah. Firman Allah,

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ ۚ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم ۚ بَلْ هُوَ خَيْرٌ
لَّكُمْ ۚ لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ ۚ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ
عَذَابٌ عَظِيمٌ

"Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah dari golongan kamu juga. Janganlah kamu mengira bahawa berita bohong itu buruk bagi kamu, bahkan itu adalah baik bagi kamu. Setiap orang dari mereka mendapat balasan dari dosa yang dikerjakannya. Dan siapa di antara mereka yang mengambil bahagian terbesar dalam menyebarkan berita bohong itu, baginya azab yang besar." (An-Nur: 11)

Firman Allah ini menunjukkan betapa bahayanya membuat kesimpulan melulu dan berprasangka pada hal yang tidak diselidik kebenarannya terlebih dahulu. Keadaan ini boleh menyebabkan penyebaran berita bohong yang mengakibatkan azab yang besar daripada Allah.



Perkara buruk yang menimpa mungkin baik untuk kita

Perkara buruk mungkin menimpa dan menyusahkan kita. Namun, di sebalik perkara buruk itu mungkin ada banyak kebaikan yang Allah kurniakan kepada kita. Allah SWT berfirman,

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

"Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui."

(Al-Baqarah: 216)

Oleh itu, kita perlu bersabar menghadapi kesusahan kerana mungkin Allah akan memberikan kebaikan di sebalik kesusahan itu. Rasulullah ﷺ bersabda, "Sungguh menakjubkan urusan seorang mukmin. Semua urusannya adalah baik baginya. Jika ia mendapat kesenangan, ia bersyukur, dan itu baik baginya. Jika ia tertimpa kesusahan, ia bersabar, dan itu baik baginya." (HR Muslim)

Pengalaman Nabi Yusuf a.s. telah membuktikan perkara ini. Baginda ialah anak Nabi Yaakub a.s. dan mempunyai sebelas adik-beradik, tetapi baginda merupakan anak kesayangan dan yang

paling dipercayai oleh ayahandanya. Situasi ini telah menimbulkan perasaan cemburu dalam kalangan saudaranya yang lain.

Suatu hari Nabi Yusuf a.s. bermimpi. Baginda menceritakan mimpi tersebut kepada ayahandanya pada keesokan hari bahawa dalam mimpi itu, baginda melihat sebelas bintang, matahari dan bulan sujud kepadanya. Nabi Yaakub a.s. sedar bahawa mimpi anakandanya itu memberi petanda yang besar, lalu meminta Yusuf agar tidak menceritakannya kepada saudara-saudaranya agar tidak menambahkan rasa cemburu mereka.

Akan tetapi, akhirnya saudara-saudara Yusuf dapat menghidu perihal mimpi itu lalu merancang suatu perkara jahat dengan membuang Yusuf ke dalam perigi. Jadi, mereka cuba meminta izin ayahanda mereka untuk membawa Yusuf bermain bersama. Ayahanda mereka mengizinkan. Setelah Yusuf jatuh ke dalam perigi, mereka kemudian pulang dengan membawa baju Yusuf yang dilumuri darah palsu. Mereka memaklumkan kepada Nabi Yaakub bahawa Yusuf telah mati dibaham serigala.

Tidak mereka ketahui, ketika di dalam perigi, Yusuf telah diselamatkan oleh suatu kafilah perniagaan yang melalui kawasan perigi itu. Baginda kemudian dijual sebagai hamba di Mesir dan dibeli oleh seorang pembesar yang dipanggil Al-Aziz. Dari anak kesayangan, kini Yusuf menjadi hamba.

Selepas beberapa lama di rumah Al-Aziz, isterinya Zulaikha, terpesona dengan ketampanan Yusuf dan cuba menggodanya melakukan perkara yang terkutuk. Namun, Yusuf menolak dengan tegas. Zulaikha sangat marah lalu menuduh Yusuf yang menggodanya. Akibatnya, Yusuf dipenjara walaupun tidak

bersalah. Begitulah nasib Nabi Yusuf; selepas menjadi hamba dan kemudian menjadi banduan pula.

Di penjara, baginda menunjukkan kebijaksanaan dan kemampuannya untuk mentafsirkan mimpi. Baginda pernah mentafsir mimpi dua orang tahanan yang kemudian terbukti benar. Salah seorang dari mereka akhirnya dibebaskan dan bekerja sebagai pelayan raja.

Pada suatu malam, Raja Mesir bermimpi tentang tujuh ekor lembu gemuk yang dimakan oleh tujuh ekor lembu kurus, serta tujuh butir gandum hijau dan tujuh butir gandum kering. Tiada siapa yang boleh menafsirkan mimpi tersebut. Pelayan raja yang pernah dipenjarakan bersama Nabi Yusuf teringat bahawa baginda mampu mentafsir mimpi lalu menceritakannya kelebihan baginda itu kepada raja.

Maka baginda dipanggil untuk mentafsirkan mimpi tersebut. Baginda menjelaskan bahawa Mesir akan mengalami tujuh tahun kemakmuran yang diikuti oleh tujuh tahun kemarau. Nabi Yusuf juga memberikan cadangan mengenai persiapan menghadapi masa kemarau itu. Raja Mesir sangat kagum dengan kebijaksanaan Nabi Yusuf lalu melantik baginda sebagai menteri yang bertanggungjawab untuk menguruskan krisis yang akan datang itu.

Nabi Yusuf seterusnya membina gudang-gudang yang boleh menyimpan gandum dan makanan dalam tempoh yang lama. Selain itu, baginda turut menggubal undang-undang yang berkaitan dengan pengumpulan dan pengagihan makanan sebagai persediaan menghadapi kemarau panjang yang akan menyusul.

Apabila musim kemarau tiba, saudara-saudara baginda datang ke Mesir untuk mendapatkan makanan. Mereka tidak mengenali baginda, tetapi baginda masih mengenali semua saudaranya. Baginda menguji mereka dan akhirnya membongkar identitinya. Saudara-saudara baginda rasa sangat bersalah dan takut akan dihukum, tetapi baginda memaafkan mereka dan mengajak mereka untuk tinggal di Mesir bersama ayahanda mereka, Nabi Yaakub.

Begitulah satu siri perkara buruk yang menimpa Nabi Yusuf yang akhirnya membawanya menjadi pembesar Mesir sehingga dapat menyelamatkan jutaan rakyat, termasuk saudara-saudara yang telah mengkhianatinya.



Sabar, sabar, sabar

Allah SWT banyak menyebutkan kesabaran dalam al-Quran dan memerintahkan kita untuk bersabar ketika menghadapi segala ujian dan cubaan. Allah berfirman,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap siaga (di perbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beruntung." (Ali Imran: 200)

Memiliki kesabaran yang tinggi merupakan tanda keimanan yang kukuh. Orang yang bersabar memiliki iman yang kuat dan percaya bahawa segala perkara yang terjadi adalah kehendak Allah. Allah berfirman,

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan solat. Sesungguhnya yang demikian itu sungguh berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyuk." (Al-Baqarah: 45)

Allah SWT juga berfirman,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar." (Al-Baqarah: 153)

Dalam al-Quran ada diceritakan kisah Nabi Ayub a.s. yang kekal bersabar walaupun menghadapi berbagai ujian dan cubaan daripada Allah SWT. Nabi Ayub berketurunan Nabi Ibrahim a.s. dan hidup di kawasan yang pada hari ini dikenali sebagai Sanliurfa di Turkiye. Nabi Ayub a.s. dikurniakan kekayaan yang melimpah-ruah, tanah yang luas, hasil ternakan yang banyak serta keluarga yang besar dan bahagia. Semua kenikmatan duniawi tersebut tidak membuatnya lalai daripada terus beribadah kepada Allah.

Allah SWT menguji kesabaran Nabi Ayub a.s. dengan memberikan pelbagai ujian-ujian yang sangat berat seperti:

Kehilangan harta: Dalam waktu yang sangat singkat, Nabi Ayub kehilangan semua harta kekayaannya. Hasil ternakannya mati, ladang-ladangnya rosak binasa dan baginda kehilangan semua sumber kekayaan yang dimiliki.

Kehilangan anak-anak: Tidak lama setelah kehilangan harta benda, Nabi Ayub juga kehilangan semua anak yang sangat dicintainya. Mereka meninggal dunia akibat bencana yang datang bertubi-tubi.

Penyakit yang berat: Setelah kehilangan harta dan anak, Nabi Ayub diuji pula dengan penyakit kulit yang sangat kronik. Sahabat handai menjauhi baginda kerana risaukan jangkitan penyakitnya.

Walaupun diuji sangat berat, Nabi Ayub tetap sabar dan tidak pernah berhenti beribadah kepada Allah. Baginda tidak pernah mengeluh. Sebaliknya, baginda tidak putus memohon pertolongan daripada Allah. Nabi Ayub berdoa,

أَتَى مَسْنَى الضُّرِّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِمِينَ

“Sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan yang Maha Penyayang di antara semua penyayang.” (Al-Anbiya: 83)

Dalam setiap doa dan keluhannya, Nabi Ayub selalu memohon keampunan dan pertolongan Allah dengan penuh kerendahan hati. Kesabaran dan keteguhan imannya tidak pernah luntur walaupun bertubi-tubi ujian datang.

Ketika waktu sukar itu, satu-satunya orang yang setia menemani Nabi Ayub adalah isterinya, Rahmah, yang sangat sabar. Rahmah tetap merawat dan menjaga Nabi Ayub dengan penuh kasih sayang, walaupun mereka hidup dalam kemiskinan dan kesukaran.

Setelah lama menderita, Allah mengabulkan doa Nabi Ayub. Allah memerintahkannya menghentakkan kaki ke tanah, lalu terpancarlah air yang bersih dan sejuk keluar dari tanah itu. Air tersebut digunakan Nabi Ayub untuk mandi dan minum, sehingga akhirnya penyakit baginda sembuh. Allah SWT berfirman,

أَرْكُضْ بِرَجْلِكَ هَذَا مَغْتَسِلٌ بَارِدٌ وَشَرَابٌ

“Hentakkanlah kakimu; inilah air yang sejuk untuk mandi dan untuk minum.” (Sad: 42)

Setelah itu, Allah SWT mengembalikan semua harta kekayaan Nabi Ayub, mengurniakannya anak-anak yang baharu dan kehidupan yang lebih baik daripada sebelumnya sebagai balasan atas kesabarannya.



Makam Nabi Ayub a.s. di Sanliurfa, Turkiye



Perigi Nabi Ayub a.s.

Bersikap amanah, berintegriti

Sikap amanah sangat penting sebagai menunjukkan sikap bertanggungjawab, boleh dipercayai dan berintegriti. Allah berfirman,

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil." (An-Nisa: 58)

Rasulullah ﷺ pula bersabda, "Tidak ada iman bagi orang yang tidak memiliki amanah, dan tidak ada agama bagi orang yang tidak menepati janji." (HR Ahmad)

Rasulullah ﷺ adalah orang yang sangat amanah sehingga mendapat gelaran "Al-Amin" yang bermakna "sangat dipercayai" atau "yang amanah". Bahkan gelaran ini diberikan kepada baginda sebelum diangkat menjadi rasul. Sebelum itu, baginda merupakan seorang peniaga. Dalam setiap transaksi perniagaan, baginda menunjukkan kejujuran dan integriti yang tinggi. Baginda tidak sekalipun menipu atau menyeleweng. Baginda menunjukkan reputasi sebagai pedagang yang sangat dipercayai rakan niaga dan pelanggan.

Bukan sahaja dalam perniagaan, bahkan dalam setiap perkara pun Rasulullah ﷺ bersikap sangat amanah. Ketika terjadi perselisihan antara suku Quraisy mengenai siapa yang berhak meletakkan Hajar Aswad di tempat asalnya selepas Kaabah dibina semula, mereka sepakat untuk menyerahkan keputusan tersebut kepada baginda. Rasulullah ﷺ menyelesaikan perselisihan itu dengan bijaksana, memuaskan hati semua pihak dan menunjukkan contoh pemimpin yang sangat dipercayai.

Dalam masyarakat Quraisy dahulu, terdapat suatu kebiasaan mereka menyimpan barang berharga dan wang pada seseorang yang amanah. Fungsinya seperti bank yang ada sekarang. Rasulullah ﷺ sering menjadi individu yang dipercayai untuk menyimpan barang-barang berharga dan harta benda mereka walaupun mereka belum menerima ajaran Islam.

Gelaran Al-Amin ini bertambah penting ketika Rasulullah ﷺ menyebarkan dakwah. Kepercayaan masyarakat memudahkan baginda menyampaikan dakwah kerana masyarakat telah meyakini kejujuran dan integritinya.

Kisah Nabi Musa a.s. dengan Nabi Syuib a.s. juga memberi pengajaran yang sangat baik tentang sikap amanah. Setelah melarikan diri dari Mesir kerana membunuh seorang lelaki berbangsa Qibti, Nabi Musa a.s. lantas menuju Madyan hingga akhirnya baginda tiba di sebuah perigi yang menjadi tempat pengembala-pengembala kambing memberi minum pada ternakan mereka.

Nabi Musa a.s. melihat sekumpulan penggembala lelaki yang sedang memberi minum kepada ternakan mereka beserta dua

orang wanita yang sedang menunggu bersama ternakan juga. Musa berasa kasihan lalu mendekati mereka untuk bertanya. Kedua-dua wanita itu menjelaskan bahawa mereka terpaksa menunggu kerana tidak mahu berebut dengan kumpulan lelaki itu. Mereka juga mengatakan bahawa ayah mereka iaitu Nabi Syuib, sudah tua dan tidak mampu menguruskan kambing-kambing itu lagi.

Baginda kemudian membantu mereka dengan jujur dan ikhlas tanpa mengharapkan balasan. Setelah selesai urusan mereka, kedua-dua wanita itu pulang ke rumah dan menceritakan kejadian itu kepada ayahanda mereka. Nabi Syuib a.s., setelah mendengar cerita daripada kedua puterinya, sangat terkesan dengan kebaikan dan sikap amanah yang ditunjukkan oleh Nabi Musa lalu mengutus salah seorang puterinya untuk menjemputnya ke rumah mereka.

Nabi Musa menerima jemputan tersebut lalu datang ke rumah Nabi Syuib. Nabi Musa menceritakan perjalanannya dan apa yang telah terjadi di Mesir. Lantas Nabi Syuib mengajak Nabi Musa untuk tinggal bersama mereka buat sementara waktu.

Setelah melihat kesungguhan dan ketekunan Nabi Musa semasa bekerja dan tinggal di rumah mereka, salah seorang puteri Nabi Syuib mencadangkan supaya mengambil Nabi Musa bekerja dengan mereka. Perkara ini diabadikan Allah dalam al-Quran seperti berikut:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنِّي حَيْرٌ مِّنْ اسْتَجِرْتُ الْقَوِيَّ الْأَمِينُ

"Salah seorang dari kedua wanita itu berkata, 'Wahai ayahku, jadikanlah dia pekerja (pada kita), sesungguhnya orang yang paling

baik yang kamu ambil sebagai pekerja adalah orang yang kuat lagi amanah." (Al-Qasas: 26)

Nabi Yusuf a.s. juga telah menunjukkan sifat amanah yang tinggi ketika bekerja di rumah Al-Aziz sebagai hamba. Dengan sikap amanah dan kecekapannya bekerja, baginda telah diberi tanggungjawab yang besar. Malangnya baginda difitnah oleh isteri Al-Aziz sehingga dimasukkan ke dalam penjara.

Di penjara juga, baginda tetap menunjukkan sikap amanah dan cekap bekerja. Setelah baginda berjaya mentafsirkan mimpi Raja Mesir sekaligus memberi cadangan untuk mengatasi masalah kemarau panjang yang akan dihadapi, Raja Mesir sedar akan kelebihan itu lantas melantiknya menjadi orang kanan yang membuat perancangan dan melaksanakan tindakan-tindakan untuk menyelamatkan kerajaan dan rakyat Mesir yang akan berhadapan dengan kemarau panjang. Perkara ini diungkapkan Allah dalam al-Quran seperti berikut:

وَقَالَ الْمَلِكُ ائْتُونِي بِهِ ۖ أَسْتَخْلِصُهُ لِنَفْسِي ۖ فَلَمَّا كَلَّمَهُ قَالَ إِنَّكَ الْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ أَمِينٌ

"Dan raja berkata, 'Bawalah dia kepadaku, aku akan menjadikannya orang yang dekat kepadaku.' Maka ketika raja telah bercakap-cakap dengan dia, dia berkata, 'Sesungguhnya kamu (mulai) hari ini menjadi seorang yang berkedudukan tinggi lagi diberi amanah di sisi kami.'" (Yusuf: 54)

Jangan lari daripada masalah

Apabila sesuatu masalah timbul – hadapilah dan selesaikan. Jangan lari daripada masalah itu kerana boleh menimbulkan masalah yang lebih besar. Masalah boleh datang dalam bentuk kewangan, rumah tangga, perniagaan atau kesihatan. Malah masalah yang lebih besar dihadapi oleh para pemimpin yang merangkumi masalah negara, keselamatan dalam negeri dan ancaman musuh luar.

Apabila kita ditimpa masalah, perkara-perkara yang perlu kita lakukan adalah:

1. Bertawakkal kepada Allah

Tawakkal bererti berserah diri kepada Allah setelah melakukan usaha sebaik mungkin. Allah SWT berfirman dalam Surah At-Talaq, ayat 3:

"Barang siapa bertawakkal kepada Allah, neascaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya." (At-Talaq: 3)

Percayalah bahawa Allah selalu bersama kita dan akan memberikan jalan keluar pada setiap kesulitan.

2. Bersabar

Kesabaran adalah kunci utama ketika menghadapi masalah. Allah SWT berfirman, "Wahai orang-orang yang beriman,

jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar." (Al-Baqarah: 153)

3. Berdoa dan meminta pertolongan kepada Allah

Doa adalah senjata orang beriman. Allah SWT berfirman, "Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Kuperkenankan bagimu." (Al-Mu'min: 60)

4. Mencari penyelesaian dengan bijaksana

Islam mengajar kita untuk berfikir secara kritis dan bijak dalam mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Rasulullah ﷺ bersabda, "Barang siapa yang Allah inginkan kebaikan baginya, maka Dia akan memberinya pemahaman dalam agama." (HR Bukhari dan Muslim)

5. Meminta nasihat dari orang yang berilmu dan berpengalaman

Kadang-kadang kita perlu meminta nasihat dari orang lain yang lebih berilmu atau berpengalaman. Dalam Islam, syura (musyawarah) sangat dianjurkan untuk mencapai keputusan terbaik. Allah SWT berfirman, "Sedangkan urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarah antara mereka." (Ash-Shura: 38)

6. Jangan putus asa

Allah SWT melarang kita berputus asa dari rahmat-Nya. Allah berfirman, "Katakanlah: Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri! Janganlah kamu

berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Az-Zumar: 53)

7. Meningkatkan ketaatan dan ibadah

Masalah yang dihadapi boleh menjadi pencetus supaya kita kembali kepada Allah dan meningkatkan tahap ketaatan dan ibadah. Kemudian Allah akan membukakan jalan-jalan penyelesaian. Allah SWT berfirman, "Dan orang-orang yang berjuang di atas jalan Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami." (Al-Ankabut: 69)

8. Mengambil hikmah daripada setiap masalah

Setiap masalah yang datang pasti ada hikmah di sebaliknya. Tanpa kita sedari sebenarnya Allah sedang mendidik dan menguji kita untuk meningkatkan kemampuan kita menjalani tugas-tugas yang lebih mencabar. Lihatlah Nabi Yusuf yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan. Rupa-rupanya Allah sedang melatihnya menggalas tugas yang sangat besar, iaitu menyelamatkan sebuah kerajaan besar yang berhadapan dengan masalah kemarau panjang. Allah SWT berfirman, "Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya." (Al-Baqarah: 286)

Dengan memahami bahawa setiap masalah pasti ada hikmahnya, kita akan lebih tenang dan bijak menghadapinya.

Tunjukkan tauladan yang baik

Rasulullah ﷺ adalah tauladan yang sempurna bagi umat manusia, sebagaimana disebutkan dalam al-Quran,

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَدَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

"Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingat Allah."

(Al-Ahzab: 21)

Kita mesti menunjukkan tauladan yang baik. Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya di antara manusia ada yang menjadi kunci-kunci kebaikan dan penutup-penutup keburukan, dan sesungguhnya di antara manusia ada yang menjadi kunci-kunci keburukan dan penutup-penutup kebaikan. Maka, beruntunglah orang yang Allah jadikan kunci kebaikan berada di tangannya, dan celakalah orang yang Allah jadikan kunci keburukan berada di tangannya." (Ibnu Majah, Hadis Hasan)

Kita perlu berusaha menjadi tauladan dalam banyak perkara. Antara perkara yang perlu kita perhatikan adalah:

- Menjadi tauladan dengan mengamalkan sunah Rasulullah ﷺ dalam kehidupan sehari-hari.

- Menjadi tauladan dengan berakhlak mulia seperti jujur, sabar, berkasih sayang, adil dan bersikap rendah hati sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ, “Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya.” (HR Tirmidzi)
- Menjadi tauladan dengan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji dengan ikhlas dan penuh khusyuk sehingga menjadi inspirasi bagi orang untuk meningkatkan kualiti ibadah mereka.
- Menjadi tauladan dengan jujur dalam semua aspek kehidupan, sama ada dalam perkataan mahupun perbuatan, serta bersikap adil dalam segala perkara, termasuk memimpin dan memutuskan sesuatu perkara.
Menjadi tauladan dengan beramal soleh seperti sentiasa melakukan kebaikan, membantu orang yang memerlukan dan aktif dalam kegiatan yang bermanfaat bagi masyarakat. Rasulullah ﷺ bersabda, “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia.” (HR Ahmad, Thabrani)
- Menjadi tauladan dengan menjaga kehormatan dan kesucian diri daripada perbuatan haram, termasuk menjauhi zina, riba dan segala bentuk kemaksiatan. Menjaga pandangan dan tindakan agar tetap berada di jalan yang diredai Allah SWT.

Pada tahun 6H, Rasulullah ﷺ dan 1400 sahabat berniat untuk melaksanakan umrah di Mekah. Mereka bertolak dengan membawa haiwan korban dan hanya mengenakan pakaian ihram, menunjukkan bahawa tujuan mereka ke sana hanya untuk beribadah, bukan untuk berperang. Namun, ketika mereka tiba di Hudaibiyah, orang-orang Quraisy menghalang mereka masuk ke Mekah.

Setelah berunding panjang antara wakil orang-orang Islam dan orang-orang Quraisy, akhirnya kesepakatan yang dikenali sebagai Perjanjian Hudaibiyah dicapai. Isi perjanjian ini, antara lain:

1. Gencatan senjata selama 10 tahun.
2. Orang Islam yang melarikan diri ke Mekah tanpa izin penjaganya mesti dikembalikan.
3. Orang Quraisy yang melarikan diri ke Madinah tidak perlu dikembalikan.
4. Orang-orang Islam mesti pulang ke Madinah tahun itu dan boleh melaksanakan umrah pada tahun berikutnya.

Ketika perjanjian ditandatangani, orang-orang Islam berasa kecewa kerana mereka tidak dapat melaksanakan umrah tahun itu. Rasulullah ﷺ kemudian memerintahkan mereka untuk menyembelih haiwan korban dan mencukur rambut sebagai tanda bahawa mereka menyelesaikan ihram mereka. Namun para sahabat tidak segera melaksanakan perintah itu. Dengan rasa kecewa kerana para sahabat tidak segera menjalankan perintahnya seperti biasa, Rasulullah ﷺ masuk ke khemahnya dan menceritakan masalah itu kepada isterinya, Ummu Salamah. Ummu Salamah menyarankan agar Rasulullah ﷺ menyembelih haiwan korbannya terlebih dahulu di depan para sahabat, agar mereka mengikuti perbuatan itu.

Rasulullah ﷺ mengikut saranan Ummu Salamah, lalu keluar dan menyembelih haiwan korbannya serta mencukur rambutnya. Melihat tindakan Rasulullah ﷺ, para sahabat pun menuruti perbuatan baginda dengan penuh keikhlasan. Mereka

menyembelih haiwan korban mereka dan mencukur rambut, menandakan bahawa mereka telah keluar daripada ihram. Itulah kehebatan tauladan.



Berilah khidmat kepada masyarakat

Rasulullah ﷺ bersabda, “Barang siapa yang melepaskan satu kesusahan dunia daripada seorang mukmin, maka Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan di hari kiamat. Barang siapa yang menjadikan mudah urusan orang lain, maka Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan akhirat. Barang siapa yang menutupi (aib) seorang muslim, maka Allah akan menutupi aibnya di dunia dan akhirat. Allah senantiasa menolong hamba-Nya selama hamba tersebut menolong saudaranya.” (HR Muslim)

Rasulullah ﷺ juga bersabda, "Barang siapa yang keluar untuk menolong saudaranya dan berhasil memenuhi keperluannya, maka hal itu lebih baik daripada beriktikaf di masjidku ini selama sebulan." (HR Thabrani)

Duduk beriktikaf di masjid memang baik, tetapi memberi khidmat kepada masyarakat adalah lebih baik. Ada banyak aktiviti dan inisiatif yang boleh kita lakukan untuk kebaikan masyarakat. Berikut adalah beberapa cara untuk melakukannya:

- Memulakan inisiatif atau menyertai kegiatan pembangunan keperluan masyarakat seperti membina masjid dan surau, perpustakaan, taman atau pusat komuniti.
- Membina atau menguruskan sekolah, pusat tahfiz, kelas Quran dan kegiatan-kegiatan Pendidikan Islam yang lain.
- Merancang dan melaksanakan projek industri kampung untuk membangun ekonomi masyarakat kampung.

- Menjadi sukarelawan dalam berbagai kegiatan sosial seperti mengajar anak-anak kurang mampu, membantu di rumah anak yatim atau menjadi sukarelawan untuk membantu Orang Kelainan Upaya (OKU).
- Menyumbangkan wang, pakaian, makanan atau barang-barang lain yang diperlukan oleh mereka yang kurang mampu.
- Mengadakan program latihan seperti kelas tuisyen dan kursus-kursus kemahiran untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.
- Menjalankan atau menyertai kegiatan kesihatan seperti derma darah, program senaman atau membantu di klinik atau hospital.
- Menyelenggara atau menyertai kegiatan pemeliharaan alam sekitar seperti penghijauan, pembersihan sungai atau kempen kitar semula.
- Menyediakan sokongan emosi dan psikologi bagi mereka yang memerlukan, seperti mengunjungi penghuni di rumah orang tua, mendampingi anak-anak yatim atau memberi nasihat kepada yang memerlukan.
- Mempromosikan dan membangunkan budaya setempat melalui kegiatan seni, festival, pelatihan keterampilan tradisional dan juga promosi melalui media sosial bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan tempatan.

Berikut adalah kisah nyata tentang seseorang yang telah berjaya memperkasakan masyarakat di kampungnya dan memberikan impak yang sangat berkesan. Namanya Muhammad Yunus yang telah menubuhkan Grameen Bank di Bangladesh.

Muhammad Yunus, seorang pakar ekonomi dari Bangladesh, melihat masalah kemiskinan yang melanda negaranya pada tahun 1970-an. Beliau sedar bahawa banyak orang miskin di Bangladesh, terutama perempuan, tiada akses kepada kredit atau pinjaman kerana dianggap tidak layak oleh bank-bank konvensional. Perkara ini membuatkan mereka terjebak dalam lingkaran kemiskinan tanpa berpeluang untuk meningkatkan ekonomi mereka.

Pada tahun 1976, Yunus memutuskan untuk melakukan eksperimen kecil di desa Jobra. Beliau memberikan pinjaman kecil tanpa jaminan kepada kumpulan-kumpulan wanita miskin yang ingin memulakan perusahaan kecil-kecilan. Pinjaman ini dikenali sebagai "mikrokredit". Beliau percaya bahawa dengan memberikan akses kredit, orang miskin dapat membangun usaha mereka sendiri dan meningkatkan pendapatan mereka.

Eksperimen ini berjalan dengan baik dan berjaya, lalu Yunus mendirikan Grameen Bank pada tahun 1983 untuk memperluas konsep mikrokreditnya. Bank ini memberikan pinjaman kecil tanpa jaminan kepada orang miskin, terutama wanita, untuk memulakan atau memperluas perusahaan mereka. Keunikan Grameen Bank adalah pinjaman diberikan kepada kelompok-kelompok kecil yang saling bertanggungjawab, sehingga tingkat pembayaran kembali pinjaman sangat tinggi.

Grameen Bank tidak hanya memberikan akses ke kredit, tetapi juga mendidik masyarakat tentang pengurusan kewangan dan pengelolaan perniagaan. Program ini membantu mengurangi kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga. Ramai wanita yang sebelumnya tidak memiliki sumber pendapatan sekarang mampu menghasilkan pendapatan sendiri,

menyekolahkan anak-anak mereka, dan memperbaiki kehidupan mereka.

Pada hari ini, model mikrokredit yang dipelopori Muhammad Yunus telah dijalankan di pelbagai negara di seluruh dunia. Grameen Bank terus beroperasi dan berkembang, membantu jutaan orang keluar dari kemiskinan. Yunus juga terus mempromosikan keusahawanan sosial dan berbagai inisiatif untuk memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi masyarakat miskin.

Kisah Muhammad Yunus dan Grameen Bank menunjukkan bagaimana idea yang biasa tetapi seorang “*revolutioner*” dapat membawa perubahan besar. Dengan memberikan akses kepada kredit dan memberdayakan masyarakat miskin, Yunus telah menciptakan jalan keluar dari kemiskinan bagi jutaan orang dan menginspirasi gerakan global untuk pemberdayaan ekonomi.



Bertindaklah dengan cermat

Elakkan terburu-buru membuat keputusan dan jangan cepat memberi reaksi. Penting untuk mempertimbangkan semua faktor dan akibat sebelum bertindak. Lakukan perkara-perkara ini sebelum bertindak:

Fikir sebelum bertindak: Sebelum membuat keputusan, luangkan masa untuk memikirkan semua pilihan dan impaknya. Buat penilaian dengan cermat supaya keputusan yang dibuat adalah mantap.

Pertimbangkan akibat: Setiap tindakan ada akibatnya, sama ada jangka pendek atau jangka panjang. Memahami kemungkinan akibat dari keputusan kita akan dapat membantu mencegah masalah kemudian hari.

Hindarkan keputusan tergesa-gesa: Keputusan yang dibuat dengan terburu-buru sering kali tidak mempertimbangkan semua kemungkinan. Ambillah sedikit masa dan kumpulkan lebih banyak maklumat sebelum membuat keputusan.

Tanya pendapat orang lain: Bincangkan keputusan atau tindakan yang hendak kita lakukan dengan orang yang kita percayai. Perspektif orang lain dapat membantu kita melihat perkara-perkara dari sudut pandang yang berbeza.

Periksa fakta: Pastikan maklumat yang kita miliki tepat dan relevan. Menggunakan maklumat yang salah atau tidak lengkap boleh menghasilkan keputusan yang buruk.

Gunakan pengalaman sebelumnya: Jika kita telah berhadapan dengan keadaan yang serupa, gunakan pengalaman itu untuk membuat keputusan. Pembelajaran dari masa lalu dapat membantu kita membuat keputusan yang lebih baik pada masa depan.

Solat istikharah: Hanya Allah sahaja yang mengetahui masa depan kita. Allah Maha Berkuasa merupakan tempat kita meminta pertolongan. Amalkan solat istikharah setiap kali hendak membuat keputusan penting untuk mendapatkan petunjuk Allah dan pertolongan daripada-Nya untuk melaksanakan keputusan tersebut.

Pada tahun ke-10 kenabian (tahun 619M), Rasulullah ﷺ dirundung kesedihan apabila dua orang penting dalam hidupnya, iaitu isterinya Khadijah dan pakciknya Abu Talib, meninggal dunia. Kehilangan ini memberi tamparan yang hebat kepada baginda. Namun, baginda tetap berusaha bangkit untuk terus menyebarkan ajaran Islam.

Lalu Rasulullah ﷺ memutuskan untuk pergi ke Taif, sebuah bandar yang terletak lebih kurang 60 kilometer dari Mekah. Baginda berharap dapat menemui orang-orang yang mahu mendengar dakwahnya dan melindungi baginda serta pengikutnya daripada gangguan Quraisy.

Setibanya di Taif, Rasulullah ﷺ mula berdakwah kepada masyarakat di situ. Malangnya mereka bukan sahaja menolak

bahkan memperlakukan baginda dengan sangat buruk. Mereka mengarahkan para pembantu dan anak untuk menghina dan melempari baginda dengan batu, sehingga terluka. Rasulullah ﷺ sangat sedih dan kecewa. Walaupun demikian, baginda tetap sabar dan tidak membalas perlakuan buruk mereka. Baginda menghadap Allah dengan penuh ketulusan dan berdoa untuk kesejahteraan umatnya.

Ketika Rasulullah ﷺ berada dalam keadaan sedih dan kecewa akibat kelakuan penduduk Taif itu, malaikat Jibril datang menemui baginda bersama malaikat yang ditugaskan untuk menghancurkan umat tersebut. Malaikat Jibril memaklumkan bahawa malaikat penghancur itu telah diperintahkan untuk mengikuti perintah baginda. Malaikat ini sedia untuk menimpakan gunung kepada penduduk Taif sebagai balasan atas perlakuan buruk mereka.

Akan tetapi Rasulullah ﷺ menolak tawaran tersebut. Baginda memilih untuk memohon kepada Allah agar tidak menimpakan hukuman kepada penduduk Taif. Kata baginda, "Biarkan mereka. Semoga Allah akan mengeluarkan dari keturunan mereka orang-orang yang menyembah Allah semata-mata dan tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apapun".

Rasa kecewa dan sedih tidak menyebabkan Rasulullah bertindak melulu tetapi dengan cermat memikirkan kesan jangka panjang.

Jangan memencilkan diri daripada masyarakat

Nabi Musa a.s. adalah seorang nabi yang diutus oleh Allah untuk membimbing Bani Israil kepada agama tauhid dan membebaskan diri daripada penindasan Firaun. Setelah melarikan diri dari Mesir dan mengembara ke Semenanjung Sinai, Nabi Musa a.s. dan pengikutnya tiba di lembah sekitar Bukit Tursina (Sinai). Di sini, Allah hendak menurunkan wahyu dan petunjuk kepada baginda.

Nabi Musa a.s. naik ke Bukit Tursina untuk bertemu Allah. Di sana Allah menurunkan wahyu dan hukum kepada baginda. Sepanjang baginda berada di gunung itu selama 40 hari, pelbagai perkara telah berlaku. Seorang lelaki bernama Samiri telah mengambil kesempatan membuat patung anak lembu dan mengajak pengikut-pengikut nabi Musa a.s. menyembahnya. Hal ini adalah kesalahan besar dan pelanggaran terhadap perintah Allah yang melarang penyembahan berhala. Nabi Harun a.s. telah melarang mereka tetapi ajakan Samiri ternyata lebih menarik.

Apabila Nabi Musa a.s. turun dari Bukit Tursina dan melihat pengikut-pengikutnya menyembah patung anak lembu itu, baginda sangat marah dan kecewa. Baginda lantas menghancurkan patung tersebut, menghalau Samiri dan mengajak umatnya bertaubat dan kembali mengesakan Allah.

Perhatikan, hanya dalam 40 hari sahaja Nabi Musa berpisah dengan pengikut-pengikutnya, penyelewengan besar telah berlaku. Itulah kepentingan bersama masyarakat. Sekurang-kurangnya apabila berlaku sebarang penyelewengan, kita boleh

saling mengingat. Pemencilan diri akan menyebabkan kita tersisih daripada masyarakat. Masyarakat pula boleh terpesong jika tiada siapa yang berpengaruh yang mampu memberi peringatan. Dalam kes umat Nabi Musa a.s., Nabi Harun a.s. seorang diri tidak cukup kuat untuk mempengaruhi mereka.

Pada hari ini, keterlibatan dalam masyarakat sangat penting jika ditinjau dari berbagai-bagai sudut kerana:

“Sentiasa bersama masyarakat, jangan memencilkan diri” adalah prinsip yang sangat penting dalam kehidupan sosial. Prinsip ini menekankan pentingnya keterlibatan aktif dalam komuniti dan menyumbang secara positif. Berikut adalah beberapa alasan mengapa prinsip ini penting dan bagaimana kita mampu menerapkannya:

1. **Membangun jaringan sosial:** Penglibatan aktif dalam masyarakat membantu memperkuat hubungan dengan saling menyokong dan mewujudkan rasa komuniti yang erat.
2. **Memahami keperluan dan masalah:** Dengan berada dalam masyarakat, kita lebih mudah memahami masalah dan keperluan orang lain. Oleh itu ia memungkinkan kita untuk memberikan sokongan yang lebih efektif dan relevan.
3. **Perkongsian sumber dan keterampilan:** Keterlibatan dalam masyarakat memungkinkan kita untuk berkongsi pengetahuan, keterampilan dan sumber yang kita miliki dengan orang lain. Perkongsian ini boleh memperbaiki kualiti hidup dalam komuniti dan mendorong kolaborasi.

4. **Meningkatkan kesejahteraan emosi:** Keterlibatan sosial dapat meningkatkan rasa puas dan bahagia. Merasa terkait antara satu sama lain serta menyumbang kepada kebaikan bersama dapat memberikan kepuasan emosi dan mengurangkan kesepian.
5. **Mencetuskan perubahan positif:** Dengan aktif bermasyarakat, kita berpeluang untuk mempengaruhi dan memotivasi orang lain, sekaligus berperanan mencipta perubahan positif.

Rasulullah ﷺ telah menunjukkan bahawa baginda sentiasa bersama masyarakat walaupun selepas dilantik menjadi rasul. Rumahnya pun tidak terasing daripada masyarakat. Tradisi ini diikuti para sahabat. Umar bin Khattab r.a., ketika menjadi khalifah, berjalan malam untuk melihat sendiri keadaan rakyatnya dan memastikan bahawa mereka mendapat keperluan asas.

Seorang lagi sahabat Rasulullah ﷺ yang tidak pernah memencilkan diri dari masyarakat walaupun terpaksa berdepan dengan ancaman ialah Abdullah bin Mas'ud r.a.. Abdullah merupakan salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang terawal memeluk Islam di Mekah. Beliau terkenal kerana pengetahuannya yang mendalam tentang al-Quran dan hadis. Semasa di Mekah, beliau adalah salah seorang yang paling awal membaca al-Quran di khalayak ramai walaupun berisiko berlaku penindasan dari pihak Quraisy. Selepas kewafatan Rasulullah ﷺ, beliau selalu mengajar dan menjadi tempat rujukan masyarakat berkenaan hukum-hakam. Beliau juga sangat peduli dengan pendidikan masyarakat.

Ketika Umar menjadi khalifah, beliau menghantar Abdullah ke Kufah untuk mengajarkan Islam kepada masyarakat di sana. Dengan bantuan murid-muridnya, ia membuka sebuah madrasah. Madrasah ini mempunyai keistimewaan kerana menekankan istidlal iaitu ilmu yang berasaskan dalil dan bukti. Madrasah ini juga telah melahirkan ramai ahli ra'yu, iaitu orang-orang yang berfikir untuk mengeluarkan fatwa bagi masalah-masalah baharu. Mungkin inilah antara sebab Abdullah bin Mas'ud digelar mufti.



Mengambil peduli masalah masyarakat

Sebelum dilantik menjadi rasul, Nabi Muhammad ﷺ dikenali dengan keperibadian yang sangat prihatin dan peduli terhadap masalah masyarakat di sekelilingnya. Baginda dilahirkan dan dibesarkan di Mekah, sebuah bandar yang terkenal dengan perdagangan dan kehidupan sosial yang kompleks. Akan tetapi terdapat banyak ketidakadilan dalam masyarakat, di samping penyembahan berhala, pembunuhan anak-anak perempuan, penindasan orang-orang miskin, perzinaan dan berbagai masalah sosial yang lain.

Sebelum menjadi rasul, baginda pernah terlibat dalam sebuah pakatan sosial yang dikenali sebagai "Hilf al-Fudul" (Perjanjian Kebaikan). Pakatan ini adalah sebuah kumpulan sosial yang dibentuk untuk melawan ketidakadilan di Mekah. Baginda selalu membantu orang-orang yang lemah dan miskin serta memberikan sokongan kepada mereka yang tertindas. Sikap ini mencerminkan sifat rahmah baginda terhadap masalah sosial.

Satu lagi amalan penting yang dilakukan oleh Nabi Muhammad ﷺ sebelum diangkat menjadi rasul adalah sering bertafakur di Gua Hira, Jabal Nur. Di sana, baginda menghabiskan masa untuk memikirkan masalah masyarakat Mekah dan cuba mencari jalan penyelesaian.

Abu Bakar r.a. adalah sahabat Rasulullah ﷺ semenjak di Mekah lagi. Beliau terkenal dengan kemurahan hati dan keprihatinan terhadap orang-orang miskin dan tertindas. Beliau banyak

membeli hamba untuk dibebaskan, antaranya ialah Bilal bin Rabah r.a..

Umar bin Khattab r.a. juga mementingkan kesejahteraan rakyat. Selama tempoh pemerintahannya, wilayah Islam menjadi sangat besar tetapi beliau tetap melakukan kunjungan ke daerah-daerah untuk memastikan segala keperluan masyarakat dipenuhi. Beliau telah membina banyak tali air supaya dapat menghasilkan sumber makanan yang mencukupi dan membina jalan-jalan raya supaya keperluan asas masyarakat dapat diangkut dengan cepat.

Selain itu, Umar juga memperkenalkan berbagai perubahan seperti kaedah pembahagian zakat yang lebih teratur, pengagihan tanah yang lebih adil serta sistem audit untuk memastikan pentadbiran kerajaan lebih cekap dan tiada kebocoran.

Usman bin Affan r.a. pula terkenal dengan kemurahan hati dan sumbangannya dalam pembangunan infrastruktur sosial, seperti perigi dan kemudahan awam. Beliau turut membeli perigi daripada seorang Yahudi dengan harga yang sangat mahal untuk diwakafkan kepada masyarakat. Di samping itu, beliau juga telah menggali beberapa buah perigi lagi untuk kegunaan orang awam. Beliau juga banyak membantu mereka yang berada dalam masalah kewangan.

Ali bin Abi Talib r.a., juga cakna terhadap kebajikan masyarakat. Ketika zaman pemerintahannya sebagai khalifah, Ali terkenal dengan komitmennya yang tinggi terhadap keadilan. Beliau akan memastikan bahawa undang-undang diterapkan tanpa “memilih bulu”, walaupun beliau sendiri kalah dalam perbicaraan mahkamah.

Pernah diceritakan, pada suatu hari, seorang Yahudi mengaku bahawa baju besi yang dipakai Ali adalah miliknya, dan Ali pula tidak dapat membuktikan bahawa baju itu miliknya. Jadi hakim memutuskan supaya Ali menyerahkan baju itu kepada orang Yahudi tersebut. Selain itu, Ali juga kerap membuat pemeriksaan mengejut ke pasar dan wilayah lain untuk memastikan bahawa tidak ada penipuan atau ketidakadilan berlaku.



Berlaku adil

Allah SWT berfirman,

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu untuk menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkannya dengan adil." (An-Nisa:58)

Keadilan sebenarnya meliputi makna yang luas. Antaranya adalah:

Keadilan dalam kerajaan: Pemimpin wajib berlaku adil dalam semua keputusan, dasar dan undang-undang yang digubal. Termasuk dalam makna keadilan adalah hak-hak rakyat dilindungi serta tidak ada diskriminasi atau penindasan terhadap kelompok tertentu.

Hak dan kewajiban: Dalam hubungan sosial, menghormati hak orang lain dan memenuhi kewajiban adalah sangat penting, termasuklah berlaku adil dalam interaksi peribadi yang melibatkan perdagangan, pernikahan dan penyelesaian perselisihan.

Penyelesaian perselisihan: Dalam penyelesaian konflik atau perselisihan, keadilan mesti diterapkan dengan seadil-adilnya tanpa *bias* (berat sebelah). Hakim atau perantara yang bijaksana

dan proses proses kehakiman yang telus adalah amat penting untuk memastikan bahawa hak-hak semua pihak dihormati.

Pengagihan kekayaan: Keadilan dalam pengagihan kekayaan. Zakat, infak dan sedekah adalah bentuk-bentuk kewajiban sosial yang bertujuan untuk mengurangi perbezaan ekonomi dan memastikan kesejahteraan bagi mereka yang kurang mampu, riba dan penipuan dalam transaksi perniagaan adalah dilarang sama sekali.

Peluang pendidikan: Pendidikan untuk semua individu tanpa memandang latar belakang sosial atau ekonomi mesti dilakukan tanpa prejudis. Keadilan dalam sistem pendidikan memastikan bahawa setiap orang memiliki peluang untuk belajar dan berkembang.

Peluang pekerjaan: Prinsip keadilan juga diterapkan dalam dunia pekerjaan. Setiap orang harus diberikan peluang yang sama untuk menyumbang dan mendapatkan gaji yang sesuai dengan usaha mereka.

Nabi Sulaiman a.s. adalah seorang pemimpin yang sangat adil dan bijaksana. Suatu kisah yang paling terkenal mengenai keadilan Nabi Sulaiman a..s adalah keputusannya semasa menyelesaikan perselisihan antara dua wanita yang mengaku sebagai ibu kepada seorang bayi. Salah seorang ibu itu pandai berhujah untuk membuktikan bayi itu adalah anaknya, tetapi baginda tidak mudah percaya, sebaliknya memohon untuk membelah bayi tersebut menjadi dua bahagian, dengan satu bahagian untuk setiap wanita itu. Salah seorang daripada mereka segera mengalah dan menawarkan untuk menyerahkan haknya demi keselamatan bayi

tersebut. Melihat reaksi ini, baginda memutuskan bahawa wanita itulah ibu sebenar kepada bayi itu walaupun wanita yang seorang lagi berhujah dengan sangat meyakinkan.

Umar bin Abdul Aziz juga seorang khalifah yang sangat adil. Beliau telah melakukan berbagai reformasi untuk mengatasi ketidakadilan ekonomi. Salah satunya adalah penghapusan cukai yang membebankan dan mengenakan cukai yang lebih adil. Beliau memastikan bahawa zakat dan agihan peruntukan kewangan dilakukan dengan adil. Dalam pentadbiran kerajaan, beliau telah menukar pegawai-pegawai yang tidak cekap kepada yang lebih berketerampilan. Persempadanan negeri dan daerah juga diubah supaya setiap negeri dan daerah dapat diuruskan dengan cekap dan adil.



Menyusun keutamaan

Sewaktu tiba di Madinah selepas berhijrah dari Mekah, Rasulullah ﷺ mendapati terdapat banyak perkara yang perlu diselesaikan kerana baginda sebenarnya sedang membina sebuah kerajaan baharu. Rasulullah ﷺ sedar ancaman dari luar amat besar dari orang-orang Quraisy Mekah serta sekutunya, begitu juga dari dua kerajaan besar yang berhampiran, iaitu Rom dan Parsi. Mana mungkin baginda dapat melakukan semua perkara dalam masa yang sama. Oleh itu, keutamaan mesti ditentukan dan disusun rapi. Inilah keutamaan Rasulullah ﷺ :

1. **Menjalin persaudaraan antara kaum Ansar dengan Muhajirin:** Rasulullah ﷺ segera memulakan perjanjian persaudaraan (muakhah) antara para sahabat dari Mekah (Muhajirin) dengan para penduduk Madinah (Ansar). Hubungan ini bertujuan untuk memperkuat ikatan sosial dan membantu integrasi orang Muhajirin yang datang dari Mekah dengan orang-orang Ansar yang mendiami Madinah. Lalu baginda bersabda, "Kalian adalah saudara-saudara dalam Islam." (HR Bukhari dan Muslim)
2. **Mendirikan masjid:** Kemudian Rasulullah ﷺ mendirikan Masjid Nabawi di Madinah. Masjid ini menjadi pusat ibadah, pendidikan, kegiatan sosial, pusat pentadbiran bahkan pusat ketenteraan. Pmbinaan masjid ini menunjukkan pentingnya pusat ibadah dan kemasyarakatan dalam kehidupan umat Islam. Rasulullah ﷺ bersabda, "Masjid ini adalah rumahku dan tempatku beribadah." (HR Muslim)

3. **Membuat Piagam Madinah:** Rasulullah ﷺ menyusun Piagam Madinah (Mithaq al-Madina), sebuah dokumen penting yang mengatur hubungan antara kaum dengan masyarakat di Madinah. Piagam ini menetapkan hak dan kewajiban semua pihak, sama ada Muslim atau bukan, dan menjadi asas kehidupan bersama yang aman dan damai. Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda, "Kamu adalah orang-orang yang patuh pada perjanjian ini." (HR Bukhari)

4. **Pendidikan dan pengajaran:** Berikutnya Rasulullah ﷺ memberi perhatian kepada pendidikan untuk masyarakat Madinah. Baginda mengajarkan ajaran Islam, akhlak dan hukum kepada umat Islam serta menerapkan amalan tersebut dalam kehidupan sehari-hari. Rasulullah ﷺ memanfaatkan setiap keadaan untuk mendidik dan menggunakan berbagai-bagai kaedah pengajaran. Tempat mengajar Rasulullah ﷺ yang paling terkenal hingga ke hari ini ialah Raudhah, yang berada di antara rumah dengan mimbarinya di dalam Masjid Nabawi. Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak". (HR Bukhari)

5. **Membentuk pasukan pertahanan:** Ancaman daripada orang-orang musyrik dan kafir adalah sangat besar. Rasulullah ﷺ membentuk pasukan-pasukan peronda di sekitar Madinah untuk memantau tanda-tanda serangan. Latihan-latihan keterampilan peperangan juga dilakukan di Masjid Nabawi. Rasulullah ﷺ bersabda, "Waspadalah terhadap serangan yang akan datang dan persiapkanlah dirimu." (HR Al-Hakim). Rasulullah ﷺ juga bersabda, "Barang siapa yang tidak mempersiapkan dirinya untuk menghadapi musuh, maka dia tidak termasuk dalam golonganku." (HR Ahmad)

- 6. Menegakkan keadilan dan undang-undang:** Kemudian Rasulullah ﷺ menerapkan undang-undang Islam dan menegakkan keadilan dalam masyarakat. Beliau menyelesaikan perselisihan dengan adil dengan memastikan semua orang mendapatkan hak mereka. Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya pemimpin itu adalah pelayan rakyatnya." (HR Bukhari)

- 7. Membangunkan infrastruktur:** Langkah berikutnya, Rasulullah ﷺ memberikan tumpuan pada pembinaan infrastruktur penting seperti pasar dan rangkaian jalan raya untuk merencanakan perkembangan ekonomi dan kemajuan masyarakat Madinah. Rasulullah ﷺ bersabda, "Jika kalian berselisih mengenai jalan, maka jadikanlah (lebar jalannya) menjadi tujuh hasta." (HR Bukhari dan Muslim)

- 8. Menjalin hubungan diplomatik:** Seterusnya Rasulullah ﷺ menjalin hubungan dengan kabilah-kabilah Arab di sekitar Madinah dan negara-negara berhampiran. Perkara ini termasuklah mengikat perjanjian damai dan kerjasama untuk saling melindungi dari ancaman luar, di samping menghantar utusan dan menulis surat kepada raja-raja Rom dan Parsi. Rasulullah ﷺ bersabda, "Perjanjian itu adalah amanah. Barang siapa yang melanggar perjanjian, dia telah melanggar amanah." (HR Ahmad)

9. **Membentuk sistem pentadbiran negara:** Apabila wilayah Islam bertambah luas, Rasulullah ﷺ melantik wakil-wakilnya di setiap daerah untuk menguruskan pentadbiran, mengajar, mengutip zakat dan menjadi hakim. Rasulullah ﷺ bersabda, “Barang siapa yang diberi tanggungjawab dalam urusan umat dan dia menyembunyikan hal itu dari mereka, maka dia akan diminta bertanggungjawab pada hari kiamat.” (HR Bukhari dan Muslim).

Antara individu yang dilantik oleh Rasulullah ﷺ ialah Muaz bin Jabal sebagai wakil di Yaman. Sebelum Muaz menjalankan tugas, Rasulullah ﷺ berpesan, “Sesungguhnya kamu akan datang kepada ahli kitab. Maka, hendaklah yang pertama kali kamu dakwahkan kepada mereka adalah tauhid (keyakinan kepada Allah). Jika mereka telah memahami hal itu, maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan mereka untuk mendirikan solat lima waktu sehari semalam.” (HR Bukhari dan Muslim)

Rasulullah ﷺ juga bertanya kepada Muaz, “Dengan apakah kamu akan memutuskan perkara ini?” Muaz menjawab, “Dengan Kitab Allah.” Rasulullah ﷺ bersabda, “Jika tidak kamu temukan dalam Kitab Allah?” Muaz menjawab, “Dengan sunah Rasulullah ﷺ.” Rasulullah ﷺ bertanya lagi, “Jika tidak ada dalam sunah?” Muaz menjawab, “Aku akan berijtihad dengan pendapatku sendiri.” Rasulullah ﷺ memuji Muaz dan berkata, “Segala puji bagi Allah yang telah memberi petunjuk kepada utusanku mengenai apa yang aku suka.” (HR Bukhari dan Muslim)

Jagalah kesihatan

Menjaga kesihatan sangat penting kerana banyak kewajipan yang diperintahkan Allah memerlukan badan yang kuat dan sihat. Lihatlah jemaah haji, mereka perlu berjalan kaki dalam jarak yang jauh dan bermalam dalam khemah. Begitu juga solat yang memerlukan kita berdiri tegak, rukuk dan sujud. Apabila sakit, kita tidak dapat mengerjakan solat dengan sempurna. Terdapat beberapa prinsip yang diperintahkan oleh Rasulullah ﷺ untuk diikuti yang berkaitan dengan kesihatan.

1. **Kebersihan dan kesihatan:** Rasulullah ﷺ sangat menekankan kebersihan. Bahkan kebersihan adalah sebahagian dari iman. Kebersihan adalah faktor penting dalam penjagaan kesihatan. Sabda Rasulullah ﷺ, “Kebersihan adalah separuh daripada iman.” (HR Muslim)
2. **Pemakanan yang seimbang:** Rasulullah ﷺ menganjurkan untuk makan secara sederhana dan memilih makanan yang sihat. Makan apabila lapar dan berhenti makan sebelum kenyang. Sabda Rasulullah ﷺ, “Janganlah kamu makan hingga kamu lapar, dan janganlah kamu makan hingga kenyang.” (HR Ahmad)
3. **Senaman dan kekal aktif:** Rasulullah ﷺ menganjurkan supaya melakukan senaman dan mengamalkan gaya hidup sihat. Kita dapat perhatikan Rasulullah ﷺ dan hampir semua sahabat mempunyai badan yang kuat untuk membolehkan mereka berjuang habis-habisan di medan perang. Rasulullah ﷺ

bersabda, “Sesungguhnya tubuhmu mempunyai hak ke atas dirimu.” (HR Bukhari)

4. Tidur yang cukup: Tidur yang cukup dan berkualiti adalah penting untuk kesihatan tubuh. Dalam satu hadis menunjukkan perkara ini: “Rasulullah ﷺ tidak pernah tidur sebelum mengerjakan solat witr.” (HR Bukhari)

5. Pemeriksaan kesihatan dan rawatan: Rasulullah ﷺ mengajar kita supaya mendapatkan rawatan ketika sakit. Rasulullah ﷺ bersabda, “Allah tidak menciptakan penyakit melainkan Dia juga menciptakan penawarnya.” (HR Bukhari dan Muslim)

6. Menjauhi mudarat: Menjauhi perkara-perkara yang boleh merosakkan kesihatan adalah penting. Banyak hadis Rasulullah ﷺ mengenai perkara ini. Antaranya adalah:

“Apabila kamu mendengar tentang wabak penyakit di suatu tempat, maka janganlah kalian masuk ke tempat tersebut. Dan apabila kamu berada di tempat tersebut, maka janganlah kamu keluar dari tempat itu.” (HR Bukhari dan Muslim)

“Tidak boleh ada bahaya dan tidak boleh mendatangkan bahaya.” (HR Ibn Majah)

“Tidak ada mudarat dan tidak boleh mendatangkan mudarat.” (HR Ibn Majah)

7. Mengamalkan doa dan zikir: Rasulullah ﷺ menganjurkan supaya kita berdoa memohon perlindungan dan kesihatan yang baik. Doanya berbunyi, “Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada penyakit kusta, sopak, gila dan penyakit-penyakit berbahaya lainnya.” (HR Abu Daud)

Nabi Ibrahim a.s. pula, seperti yang diceritakan dalam Quran, berdoa seperti berikut,

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ
وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ
وَإِذَا مَرَضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ
وَالَّذِي يُمَيِّتُنِي ثُمَّ يُحْيِينِ
وَالَّذِي أَطْمَعُ أَنْ يَغْفِرَ لِي خَطِيئَتِي يَوْمَ الدِّينِ
رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَالْحَقْنِي بِالصَّالِحِينَ

"Tuhan yang menciptakan daku (dari tiada kepada ada), maka Dialah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku. Dan Tuhan yang Dialah jua memberiku makan dan memberi minum. **Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku;** Dan (Dialah) yang mematikan daku, kemudian Ia menghidupkan daku. Dan (Dialah) yang aku harap-harapkan supaya mengampunkan dosaku pada hari kiamat. Wahai Tuhanku, berikanlah daku ilmu pengetahuan agama, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh". (Al-Shu'ara: 78-83)



Gunakanlah hikmah sebaik-baiknya

Hikmah atau kebijaksanaan boleh dicapai dengan menerapkan pengetahuan yang luas dan mendalam semasa membuat keputusan, berinteraksi dengan orang lain dan menyelesaikan masalah. Allah SWT berfirman,

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا

“Dia memberikan hikmah kepada siapa yang Dia kehendaki, dan barang siapa yang diberikan hikmah, sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang banyak”. (Al-Baqarah: 269)

Rasulullah ﷺ bersabda, “Hikmah adalah harta yang hilang dari seorang mukmin, maka di mana saja ia menemukannya, ia lebih berhak untuk memilikinya.” (HR Tirmidzi)

Rasulullah ﷺ telah menunjukkan hikmah dalam tindakan dan keputusan dalam peristiwa-peristiwa penting seperti Perjanjian Hudaibiyah. Pada tahun 6H, Rasulullah ﷺ dan lebih kurang 1400 orang sahabat menunaikan ibadah haji ke Mekah. Pada masa itu Mekah masih dikuasai oleh kaum Quraisy yang musyrik.

Setibanya di Hudaibiyah, mereka berhenti lalu mendirikan khemah. Tiba-tiba utusan Quraisy Mekah datang dan melarang mereka masuk ke Mekah. Rasulullah ﷺ lantas menghantar Usman bin Affan kepada kaum Quraisy untuk berunding dan menjelaskan tujuan kedatangan mereka. Namun, orang-orang Quraisy tetap menolak untuk membenarkan Rasulullah ﷺ beserta rombongan memasuki Mekah. Akan tetapi atas desakan Rasulullah ﷺ,

rundingan diteruskan. Akhirnya satu perjanjian telah dipersetujui dan ditandatangani di Hudaibiyah pada tahun 6H.

Ketika perjanjian ini ditulis, telah timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan sahabat kerana perkataan “bismillahi rahman arrahim” dihapuskan daripada teks perjanjian itu. Tidak cukup dengan itu, perkataan Rasulullah turut dihapuskan. Kedua-duanya disebabkan kehendak pasukan perunding Quraisy.

Selain itu, perjanjian ini juga nampak berat sebelah kerana rombongan Rasulullah ﷺ hanya dibenarkan masuk ke Mekah pada tahun berikutnya. Bermakna mereka mesti pulang ke Madinah tanpa memasuki Mekah. Sekiranya orang Mekah melarikan diri ke Madinah, ia mesti dihantar pulang, tetapi sebaliknya pula jika orang Madinah yang lari ke Mekah.

Jadi, ketika perjanjian hendak ditandatangani, tiba-tiba Abu Jandal bin Suhail melarikan diri dari Mekah dan tiba di Hudaibiyah untuk menyertai Rasulullah ﷺ. Abu Jandal adalah anak Suhail bin Amr, ketua pasukan perunding orang Quraisy dalam Perjanjian Hudaibiyah itu. Walaupun perjanjian itu belum ditandatangani, tetapi telah disepakati, maka Abu Jandal terpaksa dipulangkan. Peristiwa ini benar-benar menambahkan rasa tidak puas hati sahabat-sahabat. Namun, Rasulullah ﷺ dengan penuh hikmah tetap menandatangani perjanjian itu.

Kenapa Rasulullah ﷺ tetap menandatangani perjanjian itu walaupun tidak berpuas hati? Hal ini kerana ada banyak hikmah di sebaliknya. Pertama, inilah kali pertama kewujudan umat Islam sebagai satu negara diakui oleh kabilah Arab yang terkemuka. Kedua, persetujuan untuk gencatan senjata selama 10 tahun bermakna Rasulullah ﷺ boleh menumpukan perhatian kepada

dakwah. Ketiga, kabilah-kabilah Arab boleh bergabung dengan Rasulullah ﷺ tanpa gangguan daripada orang-orang Quraisy.

Di sebalik perjanjian yang nampak berat sebelah (yang menguntungkan orang-orang Quraisy), ada kisah yang menarik berkenaan Abu Jandal bin Suhail yang terpaksa dihantar pulang ke Mekah. Ia bersama 70 orang yang senasib dengannya di Mekah sebenarnya melarikan diri daripada tawanan Quraisy. Mereka kemudian bergabung dengan orang-orang dari kabilah Ghifar, Aslam, Juhainah dan kabilah Arab lain yang telah memeluk Islam. Jumlah mereka mencapai 300 orang. Mereka berkumpul di tepi Laut Merah lalu menahan semua kafilah perniagaan Quraisy dari Syam.

Perbuatan mereka benar-benar menyusahkan orang-orang Mekah. Akhirnya orang Quraisy Mekah mengirim surat kepada Rasulullah ﷺ supaya bersetuju membatalkan bahagian yang memerlukan Rasulullah ﷺ memulangkan orang-orang Mekah yang lari ke Madinah. Sebaliknya Rasulullah ﷺ mengajak kumpulan Abu Jandal menjadi warga Madinah.

Dalam kisah Ratu Balqis, kebijaksanaannya terserlah ketika menerima surat daripada Nabi Sulaiman a.s. Para pembesarnya pula mencadangkan agar berperang dengan Nabi Sulaiman a.s.. Dalam al-Quran diceritakan seperti berikut:

قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ أَفْتُونِي فِي أَمْرِي مَا كُنْتُ قَاطِعَةً أَمْرًا حَتَّى تَشْهَدُونِ
قَالُوا نَحْنُ أَوْلُوا قُوَّةٍ وَأَوْلُوا بِأَسْسِ شَدِيدٍ وَالْأَمْرُ إِلَيْكِ فَانظُرِي مَاذَا تَأْمُرِينَ

“Raja perempuan itu berkata lagi, ‘Wahai ketua-ketua kaum, berilah penjelasan kepadaku mengenai perkara yang aku hadapi ini; aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu

hadir memberi pendapat dan mempersetujuinya'. Mereka menjawab: 'Kita adalah orang-orang yang kuat gagah dan amat berani merempuh peperangan; dan perkara itu (walau bagaimanapun) terserahlah kepadamu; oleh itu fikirkanlah apa yang engkau hendak perintahkan'''. (An-Naml : 32-33)

Walaupun para pembesar mencadangkan supaya berperang, Ratu Balqis sebaliknya menghantar utusan dengan berbagai-bagai hadiah untuk Nabi Sulaiman a.s. dan akhirnya membuat lawatan rasmi ke istana Nabi Sulaiman a.s.



Ajar sendiri anak-anak membaca al-Quran

Mengajarkan sendiri anak-anak membaca al-Quran adalah sangat dituntut, sebabnya:

- 1. Pendidikan asas yang sangat penting:** Quran adalah sumber asas dan utama dalam Islam. Dengan mengajar sendiri, kita dapat memastikan anak memahami al-Quran secara mendalam dan tidak hanya sekadar membaca. Kita dapat menjelaskan makna, tafsir dan konteks ayat-ayat tersebut secara langsung.
- 2. Menjadi tauladan yang baik:** Dengan mengajar al-Quran, kita menjadi contoh tauladan yang baik. Anak-anak sering mengikut apa yang mereka lihat pada ibu bapa. Melihat kita membaca dan mempelajari al-Quran dapat mendorong mereka untuk meniru dan menghargai ajaran tersebut.
- 3. Menguatkan hubungan keluarga:** Aktiviti membaca al-Quran bersama anak-anak dapat menguatkan hubungan kekeluargaan. Amalan ini juga memberi peluang untuk seisi keluarga meluangkan masa berkualiti bersama, berbincang ajaran Islam dan mempererat ikatan antara anggota keluarga.
- 4. Pemantauan langsung dan pembetulan kesalahan:** Dengan mengajar sendiri, kita dapat memantau kemajuan anak-anak secara langsung dan membetulkan sebarang kesalahan dalam bacaan mereka. Ini memastikan mereka membaca dengan betul dan memahami cara bacaan yang tepat.

5. **Menanamkan nilai dan akhlak:** Mengajarkan al-Quran kepada anak-anak melibatkan suntikan nilai-nilai dan akhlak Islam. Kita dapat menerangkan akhlak yang baik dan sikap bertanggungjawab yang terdapat dalam al-Quran sambil membaca bersama-sama.
6. **Meningkatkan motivasi dan keberkatan:** Mengajar sendiri memberi kita peluang untuk memberikan dorongan dan pujian secara peribadi. Ini dapat meningkatkan motivasi anak-anak dan membantu mereka rasa dihargai dalam proses pembelajaran. Di samping itu membaca al-Quran bersama keluarga mengundang keberkatan Allah kepada seisi keluarga.
7. **Kepentingan dalam perkembangan rohani:** Memperkenalkan al-Quran seawal usia kanak-kanak membentuk asas kerohanian yang kukuh dalam kehidupan mereka. Mereka dapat belajar mengenai nilai-nilai Islam, ibadah dan hubungan mereka dengan Allah.
8. **Persediaan untuk kehidupan:** Anak-anak yang belajar membaca al-Quran dengan betul dan memahami ajarannya lebih awal akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran kehidupan dan teguh berpegang dengan Islam.
9. **Menjadi sebaik-baik orang:** Rasulullah ﷺ bersabda, "Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya". (HR Bukhari)
10. **Mendapat pahala yang berpanjangan:** Rasulullah ﷺ bersabda, "Apabila seorang manusia mati, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu

yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya". (HR Muslim)



Jangan berkalau-kalau

Nasihat ini merupakan pesanan bagi kita supaya menerima kenyataan, belajar daripada pengalaman dan meneruskan kehidupan dengan lebih positif pada masa hadapan. Dengan memahami nasihat dan pesanan ini, kita akan lebih tenang dan produktif tanpa dibebani penyelesaian yang tidak berkesudahan.

Peristiwa Perang Uhud merupakan contoh terbaik yang mengingatkan kita pada nasihat ini. Apa yang telah berlaku tidak boleh diubah dan perkataan “kalau” hanya akan membawa kepada penyesalan dan membuka pintu kepada bisikan syaitan. Rasulullah ﷺ bersabda, “Jika sesuatu menimpamu, janganlah kamu berkata: ‘Kalau aku berbuat demikian, tentu akan terjadi demikian dan demikian’. Sebaliknya katakanlah, “Ini telah ditakdirkan oleh Allah dan apa yang dikehendaki-Nya pasti akan berlaku. Sesungguhnya perkataan ‘kalau’ itu membuka laluan pintu syaitan.” (HR Muslim)

Secara asasnya, nasihat ini merangkumi:

1. **Elakkan penyesalan yang berlebihan:** Kita tidak seharusnya terlalu memikirkan hal yang telah berlaku dengan persoalan “kalau-kalau” kerana ia akan menyebabkan rasa kesal yang berpanjangan. Jika kita telah membuat keputusan dan hasilnya tidak seperti yang diharapkan, sebaiknya elakkan berfikir, “Kalau saya buat begini, mungkin hasilnya akan berbeza”, kerana hal yang telah berlaku itu adalah ketentuan dari Allah. Sebagaimana Rasulullah ﷺ bersabda, “Apa yang ditakdirkan untukmu tidak akan luput darimu, dan apa yang

tidak ditakdirkan untukmu, tidak akan mencapaimu.” (HR Tirmidzi)

- 2. Fokus pada masa depan:** Adalah lebih baik kita menerima takdir ketentuan-Nya dan memberikan tumpuan kepada langkah-langkah ke hadapan. Jika kita gagal dalam satu ujian atau projek, jangan membuang masa memikirkan apa yang sepatutnya dilakukan ketika itu. Sebaiknya gunakan pengalaman itu untuk belajar dan memperbaiki diri pada masa akan datang. Sebagaimana Rasulullah ﷺ bersabda, manfaatkan lima perkara sebelum datangnya lima perkara; masa mudamu sebelum datang masa tuamu, masa sihatmu sebelum datang masa sakitmu, masa kayamu sebelum datang masa fakirmu dan masa lapangmu sebelum datang masa sibukmu, dan masa hidupmu sebelum datang matimu.”(HR Al-Hakim dan Al-Baihaqi). Hadis ini menekankan pentingnya memanfaatkan masa yang ada dengan sebaik-baiknya sebelum tiba keadaan yang lebih sukar. Ambil tindakan yang bijak sekarang bagi memastikan masa hadapan yang lebih baik, sama ada dari segi kesihatan, kekayaan, masa atau kehidupan secara menyeluruh.
- 3. Mengambil hikmah dari pengalaman:** Pengalaman masa lepas, sama ada baik atau buruk, adalah guru yang terbaik untuk kita. Pengalaman mengajar kita membuat keputusan yang lebih baik pada masa hadapan. Daripada memikirkan, “Kalau saya lebihkan masa untuk belajar, pasti saya tidak akan gagal”, sebaiknya fikirkan begini, “Saya akan belajar dengan lebih tekun untuk ujian yang akan datang agar saya boleh lulus lebih cemerlang.” Sebagaimana Rasulullah ﷺ bersabda,

“Seseorang mukmin tidak akan jatuh ke dalam lubang yang sama dua kali”. (HR Bukhari dan Muslim)

Seperti yang tertulis dalam al-Quran, “Agar kamu tidak berdukacita terhadap apa yang telah terlepas daripadamu, dan tidak pula terlalu gembira terhadap apa yang diberikan kepadamu. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong lagi membanggakan diri.” (Al-Hadid : 23).

Ayat ini menjelaskan kepada kita agar tidak terlalu bersedih atas apa yang telah hilang atau berlalu, kerana segala ketentuan adalah dengan izin-Nya jua. Usah biarkan diri kita terperangkap dalam penyesalan yang berlebihan.



Jangan mendahului Allah

Nasihat ini mengingatkan kita untuk selalu meletakkan kepercayaan penuh kepada Allah dalam segala urusan kehidupan. Penting untuk kita bersabar, berusaha, bertawakal dan sedar bahawa Allah adalah sebaik-baik perancang.

Peristiwa Perjanjian Hudaibiyah adalah salah satu contoh terbaik bagi memahami nasihat ini yang mana menunjukkan kepatuhan terhadap perintah Allah dan Rasul Nya tanpa tergesa-gesa atau mendahului ketetapan Allah. Meskipun pada awalnya kelihatan agak merugikan, perjanjian ini ternyata membawa banyak kebaikan kepada umat Islam. Ia membuka jalan untuk dakwah Islam yang lebih luas dan akhirnya membawa kepada penaklukan Mekah dua tahun kemudian. Pengajarannya adalah kita jangan tergesa-gesa dan mendahului takdir Allah, kerana setiap keputusan-Nya pasti ada hikmah yang besar.

Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hujurat, ayat pertama:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْدِمُوا بَيْنَ يَدَيِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَأَنْقُوا اللَّهَ ۚ
 إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

“Wahai orang-orang yang beriman, jangan la kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.”
 (Al-Hujurat, 49:1)

Secara asasnya, nasihat ini merangkumi:

1. **Pengakuan atas kekuasaan Allah:** Sebagai hamba-Nya, kita harus sentiasa mengingati diri sendiri untuk tidak bersikap seolah-olah kita dapat menentukan atau merancang segala sesuatu dengan pasti tanpa menghiraukan ketentuan dan takdir Allah. Sebaiknya, selalu ucapkan “Insyallah”. Sebagaimana Rasulullah ﷺ bersabda, “Sesungguhnya Allah yang menggenggam seluruh langit pada hari kiamat dan seluruh bumi dalam genggam tangan-Nya, kemudian Dia berfirman, ‘Akulah Raja, di manakah raja-raja bumi?’” (HR Bukhari dan Muslim). Hadis ini memberitahu kita bahawa kekuasaan mutlak Allah SWT dalam penciptaan dan pengaturan alam semesta, Allah memiliki dan menguasai segala sesuatu; tidak ada satu pun sama ada di langit atau di bumi yang berada di luar kekuasaan-Nya.
2. **Bertawakal kepada Allah:** Kita mesti sentiasa menyerahkan sepenuhnya segala urusan kepada Allah setelah kita merancang dan berusaha, walau pun mungkin tidak sebagaimana yang kita harapkan. Misalnya, ketika kita menghadapi dugaan dan kesukaran, kita harus bersabar dan bertawakal kepada Allah, bukan berputus asa atau terlalu kecewa. Sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ, “Sekiranya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Allah akan memberikan rezeki kepada kalian sebagaimana Dia memberikan rezeki kepada burung. Burung itu keluar pada pagi hari dalam keadaan lapar dan pulang pada petang hari dalam keadaan kenyang.” (HR Tirmidzi)
3. **Sabar dan menunggu waktu yang tepat:** Kepentingan bersabar semasa menunggu ketentuan Allah. Selalunya kita menginginkan sesuatu dengan segera atau terlalu

mengharapkan sesuatu, tetapi Allah mempunyai ketentuan yang berbeza atau waktu yang lebih baik untuk kita. Misalnya, takdir perkahwinan atau rezeki. Kita harus bersabar dan tidak terlalu mendesak, kerana Allah Maha Mengetahui. Sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ, "Ketahuilah, sesungguhnya pertolongan Allah itu datang bersama kesabaran, kelapangan datang bersama kesusahan dan setelah kesulitan pasti ada kemudahan." (HR Ahmad)

4. **Hindari kesombongan dan kedegilan:** Hindari sikap sombong seolah-olah kita tidak memerlukan Allah atau kita boleh bertindak tanpa petunjuk-Nya. Misalnya, semasa membuat pilihan yang sukar, sebaiknya kita mencari dan mendapatkan petunjuk dari al-Quran, sunah di samping terus berdoa kepada Allah. Elakkan membuat keputusan berdasarkan nafsu atau akal semata-mata. Sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ, "Tinggalkan perkara yang meragukanmu dan ambillah perkara yang tidak meragukanmu. Sesungguhnya kebenaran membawa kepada ketenangan dan dusta membawa kepada keraguan." (HR Tirmidzi)

Nasihat ini memberikan implikasi terhadap sikap kebergantungan kita kepada Allah, keikhlasan kita dalam ibadah, sabar dalam menghadapi ujian dan ketentuan dari Allah; juga rasa hormat kepada syariat Allah. Sebagaimana dalam ayat al-Quran, "Katakanlah, tidak akan menimpa kamu melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu. Dialah pelindung kamu, dan hanya kepada Allah orang-orang yang beriman harus bertawakal." (At-Tawbah : 51)

Jangan memburuk-burukkan keluarga dan sahabat Rasulullah ﷺ

Rasulullah ﷺ bersabda mengenai keluarganya, "Sesiapa yang menyakiti keluargaku, maka dia telah menyakiti aku". (HR Muslim)

Rasulullah ﷺ juga bersabda, "Keluargaku adalah seperti kapal Nuh, sesiapa yang menaikinya akan selamat, dan sesiapa yang meninggalkannya akan tenggelam." (HR al-Hakim)

Berkeanaan dengan sahabat, Rasulullah ﷺ bersabda, "Janganlah kamu memburuk-burukkan sahabatku, janganlah kamu mencerca mereka, jika seseorang di antara kamu menginfakkan emas sebesar gunung Uhud, tidak akan menyamai satu mud (lebih kurang 1 gantang) dari mereka atau setengahnya." (HR Bukhari dan Muslim)

Para sahabat sangat mengambil berat tentang keluarga Rasulullah ﷺ. Abdul Rahman bin Auf selalu berinfak kepada isteri-isteri Rasulullah ﷺ. Diriwatkan oleh Ahmad, Ibnu Sa'ad, Abu Nu'aim, Al-Hakim, dan yang lainnya, dari Ummu Bakar binti Al-Miswar bin Makhramah, "Bahawasanya Abdul Rahman bin Auf menjual tanah miliknya kepada Usman dengan harga empat puluh ribu dinar. Lalu ia menginfakkan wang itu kepada orang-orang miskin dari Bani Zuhrah dan orang-orang yang memerlukan, serta kepada para ummahatul mukminin (isteri-isteri Rasulullah ﷺ)".

Dalam surah al-Waqiah, ayat 10–14, Allah SWT membahagikan manusia kepada tiga golongan. Golongan pertama digelar golongan kanan (Ashabul Yamin). Mereka adalah golongan yang diberi buku amalan dari sebelah kanan. Mereka akan menerima

rahmat Allah dan berhak masuk syurga. Golongan ini termasuk orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Golongan kedua ialah golongan kiri (Ashabul Shimal). Mereka adalah golongan yang diberi buku amalan dari sebelah kiri. Mereka akan menerima balasan yang buruk dan akan masuk neraka. Golongan ini terdiri daripada orang-orang yang tidak beriman dan melakukan kejahatan.

Golongan ketiga ialah golongan yang awal (As Sabiqun). Mereka adalah golongan yang paling utama dan mendapat kedudukan yang tinggi. Golongan ini termasuk para rasul, keluarga rasul yang beriman, sahabat dan orang-orang yang bertakwa dan beramal dengan sepenuh hati. Mereka akan berada pada kedudukan yang paling istimewa di sisi Allah dan menerima ganjaran yang besar dan amat istimewa di akhirat.

Sebilangan besar mereka yang dalam golongan awal ini terdiri daripadasahabat dan keluarga yang hidup pada zaman Rasulullah . Pada hari ini sangat sedikit orang yang boleh menandingi mereka dan segi keimanan dan amalan mereka.

Allah berfirman,

وَالسَّابِقُونَ الْأَوْلَىٰ أُولَئِكَ مِنْ الْمُهِجْرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ

"Dan orang-orang terdahulu lagi yang pertama-tama (beriman) dari kalangan Muhajirin dan Ansar, serta orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah redha kepada mereka dan mereka pun redha kepada-Nya". (Taubah : 100)

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kepada para sahabat-Ku yang pertama-tama, syurga, dan mereka akan masuk syurga tanpa hisab." (HR Bukhari dan Muslim)



Elakkan berhutang hal yang tidak perlu

Prinsip ini penting dalam pengurusan kewangan peribadi dan ajaran Islam. Hutang boleh menjadi beban yang berat dan boleh menjejaskan kestabilan kewangan serta kesejahteraan hidup seseorang. Rasulullah ﷺ bersabda, "Hutang itu adalah satu beban yang berat pada hari kiamat, dan aku lebih suka untuk mengelakkan seseorang dari beban itu." (HR Abu Daud)

Hutang bukan sahaja merupakan beban yang berat di dunia tetapi juga di akhirat. Oleh itu, elakkan berhutang melainkan untuk perkara yang benar-benar perlu sahaja. Rasulullah ﷺ bersabda, 'Sesiapa yang berhutang dengan niat untuk membayar semula, Allah akan mempermudah untuknya membayar hutang tersebut. Tetapi sesiapa yang berhutang untuk membazir, Allah akan menyebabkan dia dalam kesukaran.'" (HR Bukhari dan Muslim)

Terdapat lagi hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang menunjukkan bahaya berhutang. Antaranya:

"Jangan kamu menyusahkan diri kamu sendiri, sedangkan sebelumnya kamu dalam keadaan aman." Para sahabat bertanya, "Apakah itu, wahai Rasulullah?" Rasulullah menjawab, "Itulah hutang." (HR Ahmad)

"Roh seorang mukmin (yang sudah meninggal) tergantung-gantung kerana hutangnya hingga hutangnya dilangsaikan." (HR Tirmidzi)

"Semua dosa orang yang mati syahid diampuni kecuali hutang." (HR Muslim).

“Siapa saja yang berhutang dan ia tidak bersungguh-sungguh untuk melangsaikan, maka ia akan bertemu Allah sebagai seorang pencuri.” (HR Baihaqi)

“Barang siapa yang rohnya terpisah dari jasadnya dan dia terbebas dari tiga perkara, iaitu kesombongan, ghulul (harta khianat) dan hutang, maka dia akan masuk syurga.” (HR Ibnu Majah)

Rasulullah bersabda: 'Kewajipan yang paling utama bagi seseorang adalah melunaskan hutangnya.' (HR Bukhari)

Rasulullah selalu berdoa, “Ya Allah, aku memohon perlindungan kepada-Mu dari azab kubur. Aku memohon perlindungan kepada-Mu dari fitnah al-Masih ad-Dajjal. Aku memohon perlindungan kepada-Mu dari fitnah orang yang hidup dan orang yang sudah mati. Aku memohon perlindungan kepada-Mu dari dosa dan hutang.” (HR Bukhari dan Muslim).

Suatu hari Rasulullah ﷺ enggan menyolatkan jenazah seorang sahabat kerana ia masih berhutang sebanyak dua dinar. Diceritakan oleh Jabir bin Abdillah r.a., “Ada seorang laki-laki di antara kami meninggal dunia, lalu kami memandikannya, menutupinya dengan kapas, dan mengkafaninya. Kemudian kami mendatangi Rasulullah ﷺ dan kami tanyakan, ‘Apakah baginda akan menyolatkannya?’ Baginda bergerak beberapa langkah kemudian bertanya, ‘Adakah ia mempunyai hutang?’ Kami menjawab, ‘Ya, dua dinar.’ Lalu baginda kembali. Lantas Abu Qatadah melangsaikan hutang tersebut. Kemudian Rasulullah ﷺ bertanya, “Betul-betul engkau tanggung hutang mayat sampai langcai?’ Qatadah mengatakan, “Ya betul.” Maka Nabi pun menyolatkannya.” (HR Abu Daud)

Memandangkan hutang boleh menimbulkan banyak masalah di dunia dan akhirat, kita perlu mengelakkannya kecuali kita benar-benar perlu, seperti membeli rumah. Sebenarnya Rasulullah dan beberapa orang sahabat juga pernah berhutang dengan alasan yang kuat tetapi mereka berusaha membayar hutang itu secepat mungkin.



Jangan jadikan rumah seperti kubur

Rasulullah ﷺ bersabda, “Janganlah kamu menjadikan rumahmu seperti kubur. Sesungguhnya syaitan itu lari dari rumah yang dibacakan al-Quran di dalamnya.”(HR Muslim)

Rumah yang penuh dengan ibadah seperti solat, bacaan Al-Quran dan zikir, akan menjadikan suasana rumah lebih tenang dan diberkati Allah. Menjalankan ibadah bersama keluarga akan membina hubungan yang kuat dalam keluarga dan meningkatkan suasana harmoni di rumah.

Kubur adalah tempat yang sunyi dan tiada orang yang solat di kubur. Sekali-sekala ada orang datang sama ada untuk menguburkan jenazah atau berziarah. Selain dari itu suasananya sunyi sepi. Jika di dalam rumah kita tiada orang yang solat, tiada bacaan Quran setiap hari, tiada zikir berkala, maka samalah keadaannya seperti kubur.

Jangan salah tanggap sehingga tidak pergi solat berjemaah di masjid pula. Solat di masjid sangat digalakkan. Setiap langkah ke masjid akan diampunkan dosa. Ketika duduk di masjid mendapat pahala iktikaf. Solat berjemaah pula mendapat pahala sebanyak 27 kali ganda. Oleh itu, bolehlah bersolat sunat di rumah seperti solat tahajud dan solat witr.

Melakukan solat sunat di rumah membantu menghidupkan rumah dengan amalan ibadah, serta menjadikannya tempat yang diberkati Allah dan jauh dari gangguan syaitan. Rasulullah ﷺ bersabda, "Solat yang paling baik adalah solat yang dilakukan di rumah, kecuali solat fardu." (HR Bukhari dan Muslim)

Jadikan rumah kita sebagai rumah yang sakinah. Rumah sakinah adalah rumah yang selalu diisi dengan amalan ibadah seperti solat, bacaan Al-Quran, zikir dan doa. Ini menjadikan rumah tersebut penuh dengan cahaya dan keberkatan Allah. Keluarga yang tinggal di rumah sakinah mempunyai hubungan yang baik dan harmonis. Mereka saling menyayangi, menghormati, dan membantu antara satu sama lain.

Rumah sakinah memberikan kesejahteraan emosi dan rohani kepada penghuninya. Suasana di rumah adalah tenang, dan ahli keluarga merasa selamat dan gembira. Penghuni rumah sakinah mematuhi ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari, termasuk dalam cara mereka berinteraksi dengan satu sama lain dan dalam pelaksanaan kewajipan.

Rumah sakinah adalah tempat yang bersih dan teratur. Kebersihan fizikal adalah penting untuk mencipta suasana yang selesa dan menyenangkan.

Rasulullah ﷺ bersabda, “Sesungguhnya rumah yang dibaca di dalamnya al-Quran, akan menjadi tempat yang bersinar dan penuh keberkatan. Sedangkan rumah yang tidak dibaca Al-Quran di dalamnya, akan menjadi seperti kubur.”(HR Muslim)



Jadilah orang yang malu pada tempatnya

Malu adalah salah satu sifat terpuji dalam Islam. Sifat ini mengajar kita supaya bertindak dengan cara yang baik dan menjaga batasan semasa berinteraksi. Rasulullah ﷺ bersabda, "Malu adalah sebahagian daripada iman." (HR Bukhari dan Muslim)

Dalam beribadah, kita patut malu kepada Allah jika tidak menjaga kesopanan atau menghormati tatacara ibadah. Ini termasuk menunaikan solat dengan khushyuk, menjaga adab ketika membaca al-Quran, dan berdoa dengan penuh rasa rendah hati.

Malu dalam interaksi sesama manusia ialah menjaga akhlak, tidak melakukan perkara yang boleh memalukan diri sendiri atau orang lain, serta menghormati norma dan adat yang baik.

Rasa malu membantu kita menjauhi perbuatan yang tidak baik atau melanggar batasan Islam. Ia mendorong kita untuk bertindak dengan penuh tanggungjawab dan berhati-hati dalam setiap tindakan. Dengan memiliki rasa malu juga, kita akan lebih cenderung untuk menjaga adab dan akhlak dalam pergaulan, menghindari perbuatan yang boleh menimbulkan fitnah atau kontroversi. Malu juga menjadikan kita lebih sopan dalam tingkah laku dan percakapan. Ini membentuk peribadi yang lebih baik dan disukai masyarakat.

Rasulullah ﷺ bersabda, "Malu itu adalah kebaikan yang menyeluruh." (HR Muslim)

Hadis ini menekankan bahawa sifat malu adalah amat baik dan membawa kepada kebaikan dalam hidup.

Umar r.a. merasa malu ketika seorang wanita dari Bani Adi menegurnya tentang pengagihan harta yang tidak adil. Wanita itu berkata, "Wahai Amirul Mukminin, jika engkau berlaku adil, kami akan mengikuti engkau, tetapi jika engkau tidak berlaku adil, kami akan menegur engkau". Baginda menerima teguran itu dengan hati terbuka dan memperbaiki kesilapan tersebut, menunjukkan rasa malu baginda menghadapi kekurangan diri.

Usman bin Affan pula malu dan merasakan dirinya tidak layak disebut sebagai dermawan dan lebih memilih untuk berbuat baik dalam diam, selepas kisahnya membeli sebuah perigi daripada seorang Yahudi ketika berlaku kemarau di Madinah. Beliau mewakafkan perigi itu dan sesiapa sahaja boleh mengambil air tersebut dengan percuma. Orang mula bercerita mengenai kemurahan hati Usman. Namun, baginya dia tidak layak dipuji sebegitu, dia hanya melakukan perkara yang sewajarnya dilakukan demi kepentingan masyarakat.



Bekalkan ilmu kepada anak-anak

Harta boleh habis atau hilang dengan mudah. Tanpa ilmu yang mantap, anak-anak mungkin menghadapi masalah untuk menguruskan harta tersebut dengan bijak, bahkan boleh kehilangan harta yang telah diwariskan kepada mereka. Dengan ilmu, anak-anak dapat terus berkembang dan menambah pengetahuan mereka, serta menggunakan pengetahuan tersebut dalam pelbagai keadaan kehidupan.

Di samping itu, memberikan ilmu dan mengajarkan anak-anak untuk berdikari dan tidak bergantung semata-mata kepada bantuan dapat membina sikap gigih berusaha dan meningkatkan ketahanan dalam diri mereka.

Sebenarnya Allah meninggikan orang berilmu beberapa darjah berbanding dengan orang lain. Allah berfirman,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepadamu, 'Berlapang-lapanglah dalam majlis,' maka lapangkanlah, nescaya Allah akan memberikan kelapangan bagimu. Dan apabila dikatakan, 'Berdirilah,' maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan." (Al-Mujadiah: 11)

Ilmu juga menjadi pembeza antara manusia. Allah berfirman,

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

"Katakanlah: 'Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Hanya orang-orang yang berakal yang dapat mengambil pelajaran.'" (Az-Zumar: 9)

Para nabi dan rasul juga tidak meninggalkan harta tetapi meninggalkan ilmu yang penting. Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya para ulama adalah pewaris para nabi. Dan para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, melainkan mereka mewariskan ilmu. Maka barang siapa yang mengambilnya, dia telah mendapatkan bahagian yang banyak". (HR Abu Daud dan At-Tirmidzi)

Ilmu juga akan menjaga kita. Rasulullah ﷺ bersabda, "Ilmu itu lebih baik daripada harta. Ilmu menjaga kamu, tetapi harta kamu yang mesti menjaganya. Harta akan habis manakala ilmu akan bertambah." (HR Al-Baihaqi)

Harta yang disalah guna atau tidak diurus dengan baik boleh membinasakan kita. Mari kita tinjau kisah Qarun. Ia sangat bangga dengan kekayaannya sehingga menjadikannya sombong. Ia terang-terangan menolak nasihat Nabi Musa a.s. dan menunjukkan kesombongannya. Lalu Allah telah mengazab Qarun dengan menjadikan seluruh hartanya tenggelam bersama-sama dirinya. Tanah yang membenamkan Qarun dan hartanya merupakan pembalasan atas kesombongannya dan keingkarannya kepada Allah.

Penutup

Pesanan-pesanan **Pak O.K. Rahmat** menjadi pedoman penting bagi kami anak-anaknya, kerana beliau menekankan tanggungjawab moral dan agama yang perlu dipikul oleh setiap individu dalam membentuk keluarga yang beriman.

Antara pesanan penting beliau adalah, bapa perlu menjadi tauladan dan mendidik anak-anak dengan ilmu Islam yang kukuh supaya mereka membesar dengan nilai-nilai Islam yang benar.

Dalam menghadapi cabaran dan perubahan zaman, seorang bapa perlu memimpin keluarganya untuk terus berpegang teguh kepada ajaran Islam, terutamanya apabila berhadapan dengan pengaruh negatif dari luar.

Bapa perlu memainkan peranan utama dalam mengekalkan keharmonian dan kasih sayang dalam rumah tangga, di samping memupuk komunikasi yang baik dan sikap saling hormat-menghormati antara ahli keluarga.

Pesanan-pesanan ini mencerminkan pandangan Pak O.K. Rahmat tentang pentingnya institusi keluarga dalam membentuk masyarakat yang lebih beriman dan berintegriti.

**Jangan sekali-kali
menyekutukan**

Tuhan

**Waspada terhadap
Syaitan**

NASIHAT PAK O K RAHMAT :

**NASIHAT SEORANG BAPA KEPADA
ANAK-ANAKNYA**

ISBN 978-629-98779-2-9



**SEMARAK ILMU PUBLISHING
(paperback)**